LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan

NEGERI TERENGGANU

SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan

NEGERI TERENGGANU

SIRI 1

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PENDAHULUAN	3
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU JABATAN KERJA RAYA Program Rumah Mampu Milik Dan Rumah Pangsa Mampu Milik	3
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PEJABAT DAERAH KEMAMAN/DUNGUN/HULU TERENGGANU/KUALA TERENGGANU/BESUT/MARANG/SETIU MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN MAJLIS DAERAH BESUT LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH Pembinaan Rumah Kedai Bagi Pusat Pertumbuhan Desa	21
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah	51
PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU Permint Minerals Sdn. Bhd.	60
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU Permodalan YPK Sdn. Bhd.	73
PENUTUP	87

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5 (1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Terengganu.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk di bentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2012 untuk sesi pembentangan pertama tahun 2013 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 10 Jabatan, 4 Agensi dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta

mencapai objektif penubuhannya. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 17 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.

4. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
10 Februari 2013

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
JABATAN KERJA RAYA
- Program Rumah Mampu Milik Dan Rumah Pangsa Mampu Milik

1.1. Kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai program perumahan bertujuan mewujudkan peluang kepada semua rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah agar dapat menikmati kemudahan dan memiliki rumah sendiri yang selesa serta sesuai dengan kemampuan mereka. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) merupakan Agensi bertanggungjawab dalam pengurusan Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM) manakala Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana dan Ketua Agensi merupakan Pengarah Projek terhadap pembinaan bagi Program RMM dan RPMM. Bagi tahun 2009 hingga 2012, sebanyak 14 projek RMM dan RPMM telah dirancang yang melibatkan 4,447 unit rumah terdiri daripada 2,933 unit rumah di bawah Program RMM dan 1,514 unit rumah di bawah Program RPMM.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati pencapaian Program RMM dan RPMM adalah baik kerana Kerajaan Negeri telah berjaya membina sebanyak 4,072 unit rumah (91.6%) daripada 4,447 unit rumah yang dirancang. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pelaksanaan Program RMM dan RPMM seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek pembinaan.
- Pentadbiran kontrak tidak teratur.
- Prestasi pengagihan rumah kurang memuaskan.

1.3. Bagi memastikan pelaksanaan Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM) dapat ditambah baik dan dipercepatkan, pihak yang terlibat adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Pejabat SUK hendaklah mempertingkatkan koordinasi dan komunikasi antara Jabatan/Agensi Kerajaan dan pihak swasta bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

1.3.2. Pejabat SUK, PMINT dan JKR hendaklah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan arahan yang dikeluarkan bagi memastikan pentadbiran kontrak RMM/RPMM lebih teratur serta menjamin kepentingan semua pihak yang terlibat seperti Kerajaan Negeri, kontraktor dan pekerja.

1.3.3. Pejabat SUK dan PMINT hendaklah menyelaraskan syarat penyiasatan dan memastikan laporan siasatan dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya pemohon yang layak dapat diagihkan rumah.

2. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
PEJABAT DAERAH KEMAMAN/DUNGUN/HULU TERENGGANU/KUALA TERENGGANU/BESUT/MARANG/SETIU
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
MAJLIS DAERAH BESUT
LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH
- Pembinaan Rumah Kedai Bagi Pusat Pertumbuhan Desa

2.1. Program Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah merupakan satu perancangan program pembangunan ekonomi di kawasan yang dikenal pasti atau berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pertumbuhan di peringkat kampung. Antara aktivitinya ialah pembinaan rumah kedai untuk memberi peluang kepada masyarakat desa melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ini bersesuaian dengan objektif program iaitu mewujudkan satu aktiviti ekonomi dan sosial yang berpusat di kawasan berkenaan selaras dengan matlamat Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 2009 Hingga 2013. Bagi tahun 2009 hingga 2012, sejumlah 26 projek pembinaan rumah kedai telah dirancang bagi seluruh daerah dengan peruntukan sejumlah RM48.14 juta dan sejumlah RM37.02 juta telah dibelanjakan.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pada umumnya, PPD telah berjaya mewujudkan satu aktiviti ekonomi dan sosial yang berpusat di kawasan berkenaan. Bagaimanapun, didapati pelaksanaan projek pembinaan rumah kedai PPD adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek.
- Prosedur perolehan secara rundingan terus tidak dipatuhi.
- Kualiti dan kemasan kerja tidak memuaskan.
- Kerja tidak mematuhi pelan dan spesifikasi.
- Pentadbiran kontrak tidak teratur.
- Pengurusan rumah kedai yang siap dibina tidak memuaskan.

2.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pembinaan rumah kedai Program Pusat Pertumbuhan Desa (PPD), UPEN dan agensi pelaksana adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Agensi pelaksana perlu mengambil tindakan terhadap kontraktor yang lewat menyiapkan projek serta menguatkuasakan bayaran Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) bagi projek yang melepasi tempoh lanjutan masa.

2.3.2. UPEN dan agensi pelaksana perlu mematuhi sepenuhnya peraturan bagi memastikan pengurusan pentadbiran kontrak lebih teratur.

2.3.3. Agensi pelaksana perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan serta mengelakkan pelaksanaan kerja yang tidak mematuhi pelan dan spesifikasi.

2.3.4. UPEN dan agensi pelaksana perlu memastikan bangunan kedai yang siap dibina hendaklah disewakan dengan segera dan semua kutipan sewa hendaklah diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

3. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH TERENGGANU

- Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah

3.1. Mahkamah Syariah Negeri Terengganu (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 (Enakmen 12 Tahun 1986) dan pentadbirannya terletak di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (Jabatan) yang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie. Fungsi utama Jabatan ini adalah menerima dan menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah dengan adil dan saksama mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Mahkamah Syariah terbahagi kepada 3 peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati prestasi penyelesaian kes bagi tahun 2010 dan 2011 adalah baik dengan pencapaian antara 70.9% hingga 95.9%. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti dalam pengurusan pengendalian kes seperti berikut:

- Kes jenayah pegawai awam tidak dilaporkan kepada Ketua Jabatan.

- *Backup* data tidak disimpan di bangunan berasingan.

3.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Syariah, Jabatan adalah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

3.3.1. Melaporkan kes jenayah di kalangan pegawai awam kepada Ketua Jabatan.

3.3.2. *Backup* data hendaklah disimpan di bangunan lain selaras dengan Dasar Keselamatan ICT.

4. PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU
- Permint Minerals Sdn. Bhd.

4.1. Permint Minerals Sdn. Bhd. (PMSB) ditubuhkan pada 24 Julai 1991. PMSB merupakan anak syarikat milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PMSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM13.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.5 juta. PMSB mempunyai sebuah syarikat subsidiari dan 2 syarikat bersekutu. PMSB menjalankan aktiviti perlombongan dan pengurusan projek berkaitan dengan perlombongan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PMSB adalah memuaskan kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2011 sejumlah RM0.27 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM1.08 juta dan RM1.63 juta masing-masing pada tahun 2010 dan 2009. Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2011 telah meningkat berbanding tahun 2010. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Syarat bayaran *tribute* kepada PMINT tidak dinyatakan dalam kontrak.
- Prestasi pengeluaran minimum tidak dicapai.
- Operasi perlombongan masih dilaksanakan walaupun tawaran telah ditangguhkan.
- *Standard Operating Procedures* tidak disediakan.

4.3. Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan, PMSB adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

4.3.1. Memastikan rancangan korporat syarikat disediakan agar operasi utama syarikat berjalan dengan lancar dan menjadi penyumbang utama kepada kewangan syarikat secara berterusan.

4.3.2. Memastikan kontrak perjanjian perlombongan adalah lengkap dan syarat kontrak dikuatkuasakan.

4.3.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

4.3.4. Menyediakan *Standard Operating Procedures* sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

5. YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU

- Permodalan YPK Sdn. Bhd.

5.1. Permodalan YPK Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu (YPK) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Februari 1996. Syarikat mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM0.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta. Objektif Syarikat adalah menghasilkan produk pakaian yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dan menjadi syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan maju dalam pasaran. Syarikat menjalankan operasinya dengan menjadikan bidang pengeluaran pakaian sebagai aktiviti utama dan mengendalikan program latihan/kursus kemahiran jahitan. Selain itu, Syarikat telah menjalinkan usaha sama dengan sebuah koperasi di Negeri Terengganu dalam bidang percetakan iklan.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan kerana Syarikat mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dan 2010 berbanding keuntungan pada tahun 2009. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Prestasi pendapatan dan keuntungan pengeluaran pakaian kurang memuaskan.
- Penyenggaraan dan pembaikan mesin cetak tidak dilakukan.
- Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.
- *Standard Operating Procedures* tidak disediakan.

5.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, Syarikat adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

5.3.1. Memastikan rancangan korporat syarikat diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk dijadikan asas pengurusan syarikat dan pencapaiannya.

5.3.2. Memastikan aktiviti utama syarikat seperti pengeluaran pakaian dan percetakan diurus berasaskan konsep perniagaan dan menjamin keuntungan kepada syarikat.

5.3.3. Menyediakan *Standard Operating Procedures* bagi aktiviti utama Syarikat, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan aset.

5.3.4. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PENDAHULUAN

Bagi tujuan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 1 pada tahun 2013, sebanyak 3 aktiviti dan 2 pengurusan syarikat akan dilaporkan dalam laporan ini. Tiga aktiviti tersebut adalah Program Rumah Mampu Milik Dan Rumah Pangsa Mampu Milik; Pembinaan Rumah Kedai Bagi Pusat Pertumbuhan Desa; Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah serta pengurusan syarikat subsidiari Permint Minerals Sdn. Bhd. dan Permodalan YPK Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi dan pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan dalam laporan ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU JABATAN KERJA RAYA

2. PROGRAM RUMAH MAMPU MILIK DAN RUMAH PANGSA MAMPU MILIK

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai program perumahan antaranya Rumah Kos Rendah (RKR) bertujuan mewujudkan peluang kepada semua rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah agar dapat menikmati kemudahan dan pemilikan rumah sendiri yang selesa serta sesuai dengan kemampuan mereka; dan penyusunan semula masyarakat melalui pengagihan perumahan. Kerajaan Negeri telah menjenamakan semula RKR kepada Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM) dengan menambah keluasan seunit rumah daripada 650 kaki persegi kepada 750 kaki persegi untuk keselesaan penghuni. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) merupakan Agensi bertanggungjawab dalam pengurusan RMM dan RPMM manakala Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah agensi pelaksana dan Ketua Agensi merupakan Pengarah Projek terhadap pembinaan bagi Program RMM dan RPMM.

2.1.2. Syarat kelayakan bagi permohonan Program RMM dan RPMM adalah warga negara Malaysia dengan keutamaan diberi kepada anak tempatan; pemohon yang telah berkahwin dan belum mempunyai rumah atau membuat pinjaman perumahan; dan pendapatan kasar isi rumah tidak melebihi RM2,500 sebulan. Selain itu, wanita yang belum berkahwin berumur melebihi 35 tahun dan memenuhi syarat di atas juga layak memohon. Semua pemohon yang melepasi syarat kelayakan akan melalui proses temu duga, siasatan

dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pembeli yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

2.1.3. Bagi tahun 2009 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM514.59 juta bagi membina RMM dan RPMM; dan sejumlah RM372.70 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 2.1**. Pada tempoh yang sama, sebanyak 14 projek RMM dan RPMM telah dirancang yang melibatkan 4,447 unit rumah terdiri daripada 2,933 unit rumah di bawah Program RMM dan 1,514 unit rumah di bawah Program RPMM.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembinaan RMM Dan RPMM
Bagi Tahun 2009 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan			Perbelanjaan		
	RMM (RM Juta)	RPMM (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	RMM (RM Juta)	RPMM (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2009	18.70	3.50	22.20	5.40	3.10	8.50
2010	83.70	106.00	189.70	80.10	50.80	130.90
2011	94.00	111.00	205.00	88.60	66.00	154.60
2012	53.19	44.50	97.69	46.26	32.44	78.70
Jumlah	**249.59**	**265.00**	**514.59**	**220.36**	**152.34**	**372.70**

Sumber: Buku Anggaran Belanjawan Dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program RMM dan RPMM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi proses pembinaan sehingga pengagihan rumah di bawah Program RMM dan RPMM bagi tahun 2009 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Pejabat SUK (Unit Perumahan), PMINT dan JKR. Selain itu, lawatan ke lokasi projek dan temu bual dengan kontraktor serta pegawai terlibat turut diadakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati pencapaian Program RMM dan RPMM adalah baik kerana Kerajaan Negeri telah berjaya membina sebanyak 4,072 unit rumah (91.6%) daripada 4,447 unit rumah yang dirancang. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pelaksanaan Program RMM dan RPMM seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek pembinaan.

- Pentadbiran kontrak tidak teratur.

- Prestasi pengagihan rumah kurang memuaskan.

2.4.1. Prestasi Pembangunan Projek

Projek pembinaan dilaksanakan secara tender dan rundingan terus. Reka bentuk projek yang ditawarkan secara tender disediakan oleh perunding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri manakala reka bentuk projek rundingan terus disediakan oleh perunding yang dilantik oleh kontraktor. Daripada 13 projek yang dilaksanakan, PMINT telah dilantik sebagai agensi pelaksana terhadap 12 projek manakala JKR sebagai agensi pelaksana bagi satu projek RPMM di Chendering, Kuala Terengganu. Semakan Audit mendapati 3 projek dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak asal melibatkan 512 unit rumah pangsa, di mana 2 daripadanya telah memperoleh *Certificate Of Completion And Compliance* (CCC) pada bulan Oktober 2012 dan satu projek masih belum mendapat CCC seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**; 3 projek telah disiapkan setelah mendapat lanjutan masa dan dalam proses menunggu Perakuan Siap Kerja; satu projek masih dalam pembinaan setelah mendapat lanjutan masa yang pertama selama 331 hari; manakala 6 projek lagi masih belum disiapkan sedangkan tempoh lanjutan masa telah tamat dan pernah diluluskan lanjutan masa antara satu hingga 2 kali dengan tempoh antara 77 hingga 600 hari.

Gambar 2.1
Projek Rumah Pangsa Mampu Milik Siap Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Pulau Duyong, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Ogos 2012

Gambar 2.2
Projek Rumah Pangsa Mampu Milik Siap Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Ladang, Kuala Terengganu
Tarikh: 7 Ogos 2012

2.4.2. Kelewatan Menyiapkan Projek Pembinaan

2.4.2.1. Setiap projek perlu disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti mana syarat kontrak. Semakan Audit mendapati, sehingga bulan September 2012 sebanyak 6

projek masih dalam pembinaan walaupun lanjutan masa yang diluluskan telah tamat dengan kelewatan antara 69 hingga 210 hari seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Kelewatan Menyiapkan Projek Pembinaan RMM Dan RPMM

Bil.	Projek	Tempoh Kontrak Asal	Lanjutan Masa Diluluskan			Tempoh Kelewatan* (Hari)	Kemajuan Kerja (%)	LAD Dikenakan Sehari (RM)
			Bil.	Tempoh	Jumlah Hari			
1.	RPMM Kampung Batin, Kuala Terengganu	01.10.2009 hingga 01.10.2011	1	02.10.2011 hingga 30.01.2012	295	70	90.0	-
			2	31.01.2012 hingga 24.07.2012				
2.	RMM Kampung Batu Hampar 3, Kuala Terengganu	13.10.2009 hingga 04.07.2011	1	05.07.2011 hingga 04.02.2012	282	172	98.0	-
			2	05.02.2012 hingga 11.04.2012				
3.	RMM Kampung Perasing Jaya, Kemaman	01.02.2010 hingga 31.01.2012	1	01.02.2012 hingga 17.04.2012	77	166	98.3	-
4.	RMM Kampung Padang Kubu, Kemaman	16.08.2009 hingga 24.07.2011	1	25.07.2011 hingga 01.07.2012	344	91	59.0	-
5.	RMM Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu	01.11.2009 hingga 30.04.2011	1	01.05.2011 hingga 04.03.2012	309	210	90.0	4,240
6.	RPMM Chendering, Kuala Terengganu	01.06.2009 hingga 30.11.2010	1	01.12.2010 hingga 23.07.2012	600	69	99.0	-

Sumber: PMINT
Nota: * - Setakat bulan September 2012
LAD - Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan

2.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara sebab kelewatan mengikut projek adalah seperti berikut:

a. Projek RPMM Di Kampung Batin, Kuala Terengganu

i. Projek RPMM di Kampung Batin, Kuala Terengganu melibatkan pembinaan sejumlah 722 unit rumah bernilai RM101.80 juta dan perolehan projek telah dibuat secara rundingan terus. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa ke-2 yang diluluskan pada 24 Julai 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 90% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Kelewatan menerima Surat Setuju Terima.

- Masalah musim tengkujuh dan hujan luar biasa.

- Masalah merobohkan balai raya sedia ada.

- Masalah kelewatan kerja-kerja *piling.*

ii. PMINT masih belum mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap [*Certificate of Non-Completion* (CNC)] kepada kontraktor untuk dikenakan LAD terhadap kelewatan tersebut.

iii. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan pada 25 Oktober 2012 dan denda kelewatan LAD bermula 25 Julai 2012 dengan kadar RM18,600 sehari serta amaun keseluruhan denda sehingga 12 November 2012 berjumlah RM2.10 juta untuk tempoh 113 hari. Kemajuan fizikal projek terkini adalah sebanyak 92% dan jangkaan siap pada bulan April 2013.**

b. Projek RMM Di Kampung Batu Hampar 3, Kuala Terengganu

i. Projek RMM di Kampung Batu Hampar 3, Kuala Terengganu melibatkan pembinaan sejumlah 442 unit rumah bernilai RM39.85 juta dan perolehan projek telah dibuat secara rundingan terus. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa ke-2 yang diluluskan pada 11 April 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 98% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Kelewatan menerima Surat Setuju Terima.

- Halangan disebabkan tuntutan daripada penduduk kampung.

- Kelewatan mendapat kelulusan kebenaran merancang bagi memenuhi kehendak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

- Masalah musim tengkujuh dan hujan luar biasa.

- Anjakan pertindihan lanjutan masa pertama dengan musim tengkujuh tahun 2011.

ii. PMINT masih belum mengeluarkan CNC kepada kontraktor untuk dikenakan LAD terhadap kelewatan tersebut.

iii. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan pada 1 Oktober 2012 dan denda kelewatan LAD bermula 12 April 2012 dengan kadar RM7,372.25 sehari serta jumlah keseluruhan denda sehingga 25 September 2012 berjumlah RM1.14 juta untuk tempoh 154 hari. Kemajuan fizikal projek terkini adalah sebanyak 99%.**

c. **Projek RMM Di Kampung Perasing Jaya, Kemaman**

i. Projek RMM di Kampung Perasing Jaya, Kemaman melibatkan pembinaan sejumlah 485 unit rumah bernilai RM40.19 juta dan perolehan projek telah dibuat secara rundingan terus. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa pertama yang diluluskan pada 17 April 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 98.3% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Kelewatan memiliki tapak.
- Masalah jalan masuk utama belum ditentukan.
- Masalah air tidak dapat disalurkan ke tapak projek pembinaan disebabkan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. mensyaratkan pembinaan tangki air perlu dibina terlebih dahulu mengikut Garis Panduan Seragam Permohonan Bekalan Air Terengganu bagi pembangunan yang melibatkan permintaan air melebihi 50,000 gelen/hari.

ii. PMINT masih belum mengeluarkan CNC kepada kontraktor untuk dikenakan LAD terhadap kelewatan tersebut.

iii. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan pada 2 Julai 2012 dan denda kelewatan LAD bermula 20 April 2012 dengan kadar RM6,070 sehari. Permohonan lanjutan masa ke-2 daripada kontraktor telah diterima pada 15 Oktober 2012 dan laporan lanjutan masa daripada perunding diterima pada 28 November 2012. Pengesyoran lanjutan masa adalah sehingga 3 Jun 2013. Kemajuan fizikal projek terkini pada 8 Januari 2013 adalah bangunan 100% dan infrastruktur 95%. Manakala kemajuan keseluruhan yang telah disesuaikan berdasarkan kepada elemen tambahan adalah sebanyak 85%.**

d. **Projek RMM Di Kampung Padang Kubu, Kemaman**

i. Projek RMM di Kampung Padang Kubu, Kemaman melibatkan pembinaan sejumlah 207 unit rumah bernilai RM33.96 juta dan perolehan projek telah dibuat secara tender. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa pertama

yang diluluskan pada 1 Julai 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 59% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Kelewatan menerima Surat Setuju Terima.
- Masalah cuaca luar biasa.
- Percanggahan aras ukur.
- Perubahan *platform level.*
- Pemendapan tanah bagi skop kerja bangunan dan infrastruktur.

ii. PMINT masih belum mengeluarkan CNC kepada kontraktor untuk dikenakan LAD terhadap kelewatan tersebut. **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4** menunjukkan projek tersebut yang masih dalam pembinaan.

Gambar 2.3
Projek Rumah Mampu Milik
Dalam Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Padang Kubu, Kemaman
Tarikh: 18 Julai 2012

Gambar 2.4
Projek Rumah Mampu Milik
Dalam Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Padang Kubu, Kemaman
Tarikh: 18 Julai 2012

iii. Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan:

- **Mesyuarat Penyelarasan Projek pada 30 Mei 2012 telah membuat keputusan, hanya 207 unit sahaja yang boleh dibina disebabkan oleh faktor pemendapan tanah.**
- **Projek ini telah dibuat kajian semula secara menyeluruh ke atas pindaan susun atur bangunan dan kajian kejuruteraan akibat pemendapan tanah/cerun, di mana ia mengambil masa yang lama oleh perunding sehingga pengesyoran dibuat untuk bilangan unit yang boleh dibina.**

- **Pada 16 Disember 2012, PMINT telah mengeluarkan surat Arahan Perubahan Kerja untuk mengeluarkan baki 293 unit dari kontrak asal projek.**

- **Satu Mesyuarat Khas telah diadakan pada 15 Januari 2013 bersama Unit Perumahan, Pejabat SUK dan pihak kontraktor bagi menyelesaikan isu berkaitan lanjutan masa, di mana pihak kontraktor akan membuat permohonan lanjutan masa dalam masa 3 minggu dari tarikh mesyuarat tersebut.**

- **Berdasarkan mesyuarat tersebut juga, kontraktor bersetuju dengan cadangan mesyuarat untuk menyelesaikan masalah cerun secara reka & bina dan akan mengemukakan kertas cadangan selewat-lewatnya akhir bulan Februari 2013. Segala kos yang berkaitan akan diselaraskan dengan pengurangan bilangan unit rumah sebanyak 293 unit yang melibatkan anggaran pengurangan kos semasa yang disediakan oleh Perunding Ukur Bahan sebanyak RM16.30 juta.**

- **Kontraktor akan membuat permohonan pindaan bagi lanjutan masa ke-2 kepada PMINT berdasarkan skop kerja hasil daripada kajian kejuruteraan dan data ukur oleh juruukur serta kelulusan pelan pindaan kebenaran merancang.**

- **Kemajuan fizikal projek terkini adalah sebanyak 88% (161 unit bagi Fasa 1a) dan 35% (46 unit bagi Fasa 1b).**

e. Projek RMM Di Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu

i. Projek RMM di Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu melibatkan pembinaan sejumlah 314 unit rumah bernilai RM27.87 juta dan perolehan projek telah dibuat secara rundingan terus. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa pertama yang diluluskan pada 4 Mac 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 90% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Pertindihan sempadan kerja dengan *row* Jalan Jeram - Kampung Tok Kong - Bukit Guntung yang mengakibatkan susun atur rumah terpaksa diubah.

- Gangguan limpahan tanah pada laluan sementara utama untuk membekalkan bahan binaan ke tapak mengakibatkan sebahagian besar bahan utama tidak dapat dibekalkan.

ii. PMINT telah mengeluarkan CNC kepada kontraktor pada 3 September 2012 dan Kontraktor telah dikenakan LAD sejumlah RM4,240 sehari.

iii. Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan:

- **Mesyuarat Penyelarasan Isu Jalan Masuk bersama pihak kontraktor yang diadakan pada 9 Oktober 2012 telah memutuskan perubahan laluan jalan masuk yang asal kerana berlaku pertindihan dengan projek di bawah seliaan JKR *(Highway)*.**

- **PMINT telah mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor pada 15 Oktober 2012 untuk membuat permohonan lanjutan masa sekiranya arahan kerja baru bagi pembinaan laluan jalan masuk mengganggu perancangan kerja sedia ada.**

- **CNC dan denda LAD akan dikaji semula apabila pihak kontraktor mengemukakan permohonan lanjutan masa ke atas arahan kerja baru yang telah dikeluarkan.**

- **Kerja-kerja keseluruhan pembinaan dijangka siap pada bulan April 2013.**

- **Kemajuan fizikal projek terkini adalah sebanyak 92.5%.**

f. Projek RPMM Di Chendering, Kuala Terengganu

i. Projek RPMM di Chendering, Kuala Terengganu melibatkan pembinaan sejumlah 120 unit rumah bernilai RM19.60 juta dan perolehan projek telah dibuat secara rundingan terus. Tarikh projek sepatutnya siap selepas lanjutan masa pertama yang diluluskan pada 23 Julai 2012, bagaimanapun sehingga bulan September 2012, kemajuan kerja adalah sebanyak 99% dan kerja-kerja pembinaan masih dijalankan. Projek ini lewat disiapkan disebabkan perkara berikut:

- Kelewatan menerima Surat Setuju Terima.

- Kelewatan arahan pembinaan menara tangki air.

- Arahan penangguhan kerja pembinaan bagi 9 blok.

- Kelewatan kelulusan sistem pembetungan.

ii. JKR Daerah Kuala Terengganu belum mengeluarkan CNC kepada kontraktor untuk dikenakan LAD terhadap kelewatan tersebut.

iii. **Berdasarkan maklum balas JKR Daerah Kuala Terengganu bertarikh 29 Januari 2013 menyatakan:**

- **Pada pertengahan pembinaan, projek ini mengalami perubahan teknikal kepada sistem struktur bangunan yang menyebabkan ia tertangguh dan lanjutan masa diluluskan sehingga 23 Julai 2012 (600 hari).**

- **Projek secara fizikalnya telah siap 100% pada 23 Julai 2012, bagaimanapun CCC tidak dapat dikeluarkan kerana kelewatan kelulusan/surat sokongan daripada Indah Water Konsortium (IWK) ke atas sistem pembetungan.**

iv. **Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan penambahbaikan bagi projek baru dan akan datang, pihak PMINT telah membuat beberapa penambahbaikan dari segi pengurusan pembinaan projek sebelum penyerahan tapak sepenuhnya kepada kontraktor sebagaimana berikut:**

- **Mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan status tanah dan tidak menjadi halangan sebelum penyerahan tapak sepenuhnya kepada kontraktor.**

- **Membuat pemantauan dan lawatan tapak projek di peringkat awal.**

- **Mengadakan beberapa siri perbincangan teknikal berhubung cadangan projek yang akan dilaksanakan.**

- **Memastikan kontraktor mendapat khidmat nasihat untuk Kelulusan Kebenaran Merancang daripada Jabatan Teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2012, Kerajaan Negeri dapat menyiapkan 6 daripada 13 projek (1,321 daripada 4,072 unit rumah) dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini disebabkan oleh kurang koordinasi dan komunikasi antara agensi yang terlibat, percanggahan menentukan aras ukur, pertindihan sempadan kerja, cuaca dan lain-lain.

2.4.3. Pentadbiran Kontrak Tidak Teratur

Pentadbiran kontrak yang teratur adalah penting bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan. Pengauditan yang dijalankan terhadap pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Pekerja Tidak Dilindungi Insurans Dalam Tempoh Lanjutan Masa

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 antaranya menetapkan kontraktor hendaklah melanjutkan tempoh perlindungan polisi insurans sebaik sahaja ia menjadi nyata yang berkemungkinan kerja telah mengalami kelewatan. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, pengarah projek mesti menggunakan hak di bawah kontrak untuk melanjutkan tempoh itu dan memotong premium-premium yang telah dibayar dari wang kena dibayar kepada kontraktor. Berdasarkan semakan Audit, didapati pekerja tidak dilindungi insurans dalam tempoh lanjutan masa bagi kontrak-kontrak seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pekerja Tidak Dilindungi Insurans Dalam Tempoh Lanjutan Masa

Bil.	Projek	Tempoh Kontrak	Tarikh Akhir Lanjutan Masa Diluluskan	Tarikh Insurans Tamat	Maklum Balas Auditi
1.	RMM Kampung Batu Hampar 3, Kuala Terengganu	13.10.2009 hingga 04.07.2011	11.04.2012	04.02.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh insurans telah disambung sehingga 28 Februari 2013.**
2.	RMM Kawasan Ajil, Hulu Terengganu	01.03.2010 hingga 31.08.2011	23.04.2012	31.08.2011	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh insurans telah disambung sehingga 30 April 2012 (dalam proses penyambungan sehingga 30 Mei 2013).**
3.	RMM Kampung Perasing Jaya, Kemaman	01.02.2010 hingga 31.01.2012	17.04.2012	31.01.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh insurans telah disambung sehingga 31 Disember 2012 (dalam proses penyambungan sehingga 3 Jun 2013).**
4.	RMM Kampung Bukit Gasing, Marang	25.04.2010 hingga 24.04.2012	20.03.2013	24.04.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh insurans telah disambung sehingga 20 Mac 2013.**

Sumber: PMINT

2.4.3.2. Kelewatan Permohonan Lanjutan Masa

a. Permohonan lanjutan masa oleh kontraktor hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati permohonan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa telah dikemukakan kepada PMINT untuk kelulusan selepas tamat tempoh kontrak iaitu antara 58 hingga 103 hari seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Kelewatan Permohonan Lanjutan Masa

Bil.	Projek	Tarikh Kontrak Tamat	Tarikh Permohonan Lanjutan Masa	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	RMM Kawasan Ajil, Hulu Terengganu	31.08.2011	17.11.2011	78
2.	RPMM Kampung Batin, Kuala Terengganu	30.01.2012	03.05.2012	93
3.	RMM Kawasan Sungai Bajar, Hulu Terengganu	14.05.2011	11.07.2011	58
4.	RMM Kampung Batu 7, Dungun	14.11.2011	12.02.2012	90
5.	RMM Kampung Perasing Jaya, Kemaman	31.01.2012	20.04.2012	80
6.	RMM Kampung Padang Kubu, Kemaman	24.07.2011	12.10.2011	80
7.	RMM Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu	30.04.2011	11.08.2011	103

Sumber: PMINT Dan Unit Perumahan, Pejabat SUK

b. Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan:

- **Merujuk kepada Syarat-syarat Kontrak, pihak kontraktor dikehendaki memohon lanjutan masa sekiranya pihak kontraktor merasakan kerja tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan dengan alasan yang munasabah berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.**

- **Pihak kontraktor telah membuat permohonan lanjutan masa sebelum tamat tempoh kontrak dan pihak perunding Arkitek dikehendaki membuat penilaian dan pengesyoran kepada Pengarah Projek.**

- **Kelewatan selalunya berlaku disebabkan oleh alasan-alasan ataupun sebab-sebab yang dikemukakan tidak disokong dengan dokumen yang lengkap. Ini menyebabkan beberapa siri perbincangan diadakan bersama perunding Arkitek selaku Ketua Perunding bersama Pengarah Projek sebelum Pengarah Projek membuat pengesyoran kepada pihak Kerajaan Negeri untuk kelulusan.**

2.4.3.3. Notis Untuk Tujuan Mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan Tidak Dikeluarkan/Dikeluarkan Selepas Tamat Tempoh Kontrak

Berdasarkan Garis Panduan Pentadbiran Kontrak, sekiranya pengarah projek berpendapat kerja-kerja yang dilaksanakan tidak dapat disiapkan maka tindakan mengeluarkan notis untuk tujuan mengenakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (notis amaran) hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor. Jika kontraktor tidak dapat mengemukakan sebab dan alasan ke atas kelewatan kontrak dalam tempoh 7 hari maka CNC akan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Tiga projek tidak dikeluarkan notis amaran dan CNC seperti di **Jadual 2.5**.

b. Tiga projek dikeluarkan notis amaran selepas tamat tempoh kontrak tetapi CNC tidak dikeluarkan seperti di **Jadual 2.6**.

c. Satu projek RMM di Sungai Bajar, Hulu Terengganu yang sepatutnya siap pada 29 September 2011 telah dikeluarkan CNC pada 29 November 2011 walaupun notis amaran tidak dikeluarkan. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, kontraktor telah diberi peringatan secara terus melalui Mesyuarat Tapak No. 18 pada 28 September 2011 dan peringatan secara tidak terus melalui surat PMINT kepada Unit Perumahan, Pejabat SUK bertarikh 21 November 2011 serta salinan juga turut dikemukakan kepada kontraktor tentang pengeluaran CNC. Status projek fizikal terkini adalah 100% dengan denda kelewatan LAD bermula 30 September 2011 hingga 10 Mei 2012 (224 hari) dengan kadar RM2,300 sehari atau denda keseluruhan RM515,200.**

Jadual 2.5
Senarai Projek Yang Tidak Dikeluarkan Notis Amaran Dan Perakuan Kerja Tidak Siap

Bil.	Projek	Tempoh Siap Kontrak		Maklum Balas Auditi
		Asal	Selepas Lanjutan Masa	
1.	RMM Ajil, Hulu Terengganu	01.03.2010 hingga 31.08.2011	01.09.2011 hingga 23.04.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013:** • **Kontraktor telah diberi peringatan melalui Mesyuarat Tapak No. 19 pada 28 September 2012.** • **Kontraktor telah membuat Permohonan lanjutan masa ke-2 dan laporan pengesyoran daripada Perunding diterima pada 16 September 2012 dan tiada pengesyoran lanjutan masa.** • **CNC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2012 dan LAD dikenakan kepada kontraktor.**
2.	RMM Kampung Batu 7, Dungun	15.11.2009 hingga 14.11.2011	15.11.2011 hingga 04.03.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013:** • **Kontraktor telah diberi peringatan melalui Mesyuarat Tapak No. 20 pada 16 Januari 2012.** • **CNC telah dikeluarkan pada 23 Disember 2012 dan LAD dikenakan kepada kontraktor.**
3.	RPMM Chendering, Kuala Terengganu	01.06.2009 hingga 30.11.2010	01.12.2010 hingga 23.07.2012	**Maklum balas JKR Daerah Kuala Terengganu bertarikh 29 Januari 2013:** • **Siap 100%** • **Ulasan dan kelulusan IWK belum diterima.**

Sumber: PMINT Dan JKR

Jadual 2.6
Senarai Projek Dikeluarkan Notis Amaran Selepas Tamat Tempoh Kontrak Tetapi Perakuan Kerja Tidak Siap Tidak Dikeluarkan

Bil.	Projek	Tempoh Siap Kontrak			Tarikh Notis Amaran Dikeluarkan	Maklum Balas Auditi
		Asal	Selepas Lanjutan Masa			
			Bil.	Tempoh		
1.	RMM Kampung Batu Hampar 3, Kuala Terengganu	13.10.2009 hingga 04.07.2011	1	05.07.2011 hingga 04.02.2012	14.06.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan oleh PMINT pada 1 Oktober 2012.**
			2	05.02.2012 hingga 01.04.2012		
2.	RMM Kampung Perasing Jaya, Kemaman	01.02.2010 hingga 31.01.2012	1	01.02.2012 hingga 17.04.2012	27.05.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan oleh PMINT pada 2 Julai 2012.**
3.	RMM Kampung Banggol Tuan Muda, Kuala Terengganu	01.11.2009 hingga 30.04.2011	1	01.05.2011 hingga 04.03.2012	14.06.2012	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, CNC telah dikeluarkan oleh PMINT pada 3 September 2012.**

Sumber: PMINT

2.4.3.4. Tempoh Pendaftaran CIDB Tidak Disambung

Syarat-syarat pendaftaran, tanggungjawab dan obligasi kontraktor di dalam Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995 menggariskan kontraktor tidak boleh menyertai mana-mana tender atau melaksanakan apa-apa kerja pembinaan selepas habis tempoh perakuan ini dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati 3 kontraktor telah luput tempoh sah laku pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board* - CIDB) dan tidak ada bukti tempoh pendaftaran telah disambung semula berdasarkan kehendak peraturan yang ditetapkan seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Tempoh Pendaftaran CIDB Tidak Disambung

Bil.	Projek	Tempoh Kontrak	Lanjutan Masa Diluluskan	Tempoh Sah Laku CIDB	Maklum Balas Auditi
1.	RPMM Kawasan Mengabang Besar, Besut	01.03.2010 hingga 24.02.2012	Tidak Berkenaan	27.05.2008 hingga 26.05.2011	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh sah laku CIDB telah disambung oleh kontraktor bagi tempoh 6 Ogos 2012 hingga 9 September 2014.**
2.	RMM Kampung Perasing Jaya, Kemaman	01.02.2010 hingga 14.11.2011	01.02.2012 hingga 17.04.2012	19.12.2008 hingga 18.12.2011	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh sah laku CIDB telah disambung oleh kontraktor bagi tempoh 30 Disember 2011 hingga 29 Disember 2014.**
3.	RMM Kampung Batu 7, Dungun	15.11.2009 hingga 14.11.2011	15.11.2011 hingga 04.03.2012	15.07.2010 hingga 14.07.2011	**Maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013, tempoh sah laku CIDB telah disambung oleh kontraktor bagi tempoh 3 September 2012 hingga 2 September 2014.**

Sumber: PMINT

Pada pendapat Audit, Pejabat SUK, PMINT dan JKR hendaklah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan arahan yang dikeluarkan bagi memastikan pentadbiran kontrak RMM/RPMM lebih teratur serta menjamin kepentingan semua pihak yang terlibat seperti Kerajaan Negeri, kontraktor dan pekerja.

2.4.4. Prestasi Pengagihan Rumah Kurang Memuaskan

Permohonan yang terpilih akan melalui 3 peringkat saringan iaitu temu duga, siasatan dan Jawatankuasa Pemilih Pembeli yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.4.4.1. Laporan Penyiasatan Mengenai Pemohon Lewat Dikemukakan

a. Setelah sesi temu duga selesai dilakukan, Unit Perumahan, Pejabat SUK akan mengemukakan senarai calon yang berjaya dalam temu duga kepada PMINT untuk menjalankan penyiasatan dengan menetapkan suatu tempoh bagi penyediaan hasil laporan penyiasatan tersebut. Semakan Audit mendapati laporan penyiasatan lewat dikemukakan oleh PMINT antara 43 hingga 127 hari seperti di **Jadual 2.8**. Kelewatan ini akan melambatkan proses pengagihan rumah kepada pemohon yang berjaya.

Jadual 2.8
Tempoh Kelewatan Laporan Siasatan Dikemukakan

Daerah	Tarikh Temu Duga	Bilangan Calon Yang Berjaya Temu Duga	Tarikh		Tempoh Kelewatan (Hari) (a - b)
			Laporan Sepatutnya Dihantar (a)	Laporan Dihantar (b)	
Kuala Terengganu	24.07.2011 hingga 27.07.2011	395	15.11.2011	29.12.2011	45
	18.07.2011 hingga 19.07.2011	393	15.02.2012	23.04.2012	68
	1998 - 2005	396	31.03.2012	13.05.2012	43
Besut	30.03.2011 hingga 31.03.2011	423	30.09.2011	18.12.2011	79
Dungun	1998 - 2005	153	04.12.2011	09.04.2012	127

Sumber: Unit Perumahan, Pejabat SUK

b. **Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan:**

- **Masa yang diberikan untuk tujuan siasatan dan menyiapkan laporan siasatan oleh Unit Perumahan, Pejabat SUK kepada PMINT terlalu singkat berbanding dengan bilangan calon-calon yang perlu disiasat dalam satu-satu masa.**

- **PMINT tidak mempunyai unit khusus untuk menjalankan kerja-kerja siasatan bagi projek Rumah Mampu Milik Kerajaan Negeri dan mengguna**

pakai pegawai yang sedia ada sahaja untuk menjalankan siasatan dan pada masa yang sama, pegawai ini juga perlu menjalankan tugas hakiki Jabatan.

- **Penyelarasan di antara PMINT dengan Unit Perumahan, Pejabat SUK telah dibuat pada 9 Januari 2013 bagi memastikan tempoh masa yang munasabah untuk kerja-kerja penyiasatan dan penyediaan laporan. Keputusan telah dicapai dengan memberi tempoh masa antara 3 hingga 6 bulan kepada PMINT bagi menyediakan dan mengemukakan laporan siasatan kepada pihak SUK.**

2.4.4.2. Kriteria Penyiasatan Kelayakan Calon Tidak Mengikut Syarat Yang Ditetapkan

a. Tujuan penyiasatan dijalankan untuk menentukan maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah tepat dan benar serta memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Unit Perumahan, Pejabat SUK. Antara syarat yang ditetapkan ialah:

i. Warga negara Malaysia dengan keutamaan diberi kepada anak tempatan.

ii. Pemohon yang telah berkahwin dan belum mempunyai rumah atau membuat pinjaman perumahan.

iii. Pendapatan kasar isi rumah tidak melebihi RM2,500 sebulan.

iv. Wanita yang belum berkahwin berumur melebihi 35 tahun dan memenuhi syarat (i) hingga (iii).

b. Semakan Audit mendapati, pihak PMINT ada menjalankan penyiasatan kelayakan pemohon bagaimanapun didapati PMINT telah mewujudkan beberapa syarat tambahan semasa menjalankan penyiasatan dengan mengkategorikan kelayakan pemohon kepada 4 gred seperti di **Jadual 2.9** berserta syarat tambahan seperti had umur tidak melebihi 50 tahun dan pendapatan tidak kurang RM800.

Jadual 2.9
Kategori Gred Kelayakan Pemohon Bagi Penyiasatan Permohonan RMM Dan RPMM

Gred Kelayakan Pemohon	Perkara
A	Pemohon yang layak dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.
B	Calon yang memenuhi syarat tetapi pegawai penyiasatan merasakan keperluan memiliki rumah tidak mendesak berdasarkan siasatan yang dijalankan.
C	Pemohon tidak layak di mana pemohon di bawah kategori ini tidak mematuhi syarat kelayakan.
X	Calon yang tidak dapat dikesan.

Sumber: Laporan Penyiasatan PMINT

c. Analisis Audit terhadap laporan penyiasatan mendapati:

i. Sejumlah 406 pemohon yang memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Unit Perumahan, Pejabat SUK tetapi disebabkan syarat tambahan yang diwujudkan oleh PMINT semasa menjalankan penyiasatan telah menyebabkan pemohon tersebut tidak layak dipertimbangkan untuk diagihkan rumah berkenaan.

ii. Selain itu, didapati sejumlah 8 pemohon yang memiliki rumah sendiri, rumah pusaka dan rumah yang uzur serta 4 pemohon yang berpendapatan melebihi RM2,500 telah dikategorikan layak untuk diagihkan rumah berkenaan. Ini bertentangan dengan syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh Unit Perumahan, Pejabat SUK.

d. Berdasarkan maklum balas PMINT bertarikh 23 Januari 2013 menyatakan:

i. Tujuan pihak PMINT mewujudkan syarat-syarat tambahan seperti had umur tidak melebihi 50 tahun dan berpendapatan tidak kurang daripada RM800 sebulan adalah untuk memastikan keupayaan bayaran balik ansuran bulanan dalam tempoh 25 tahun.

ii. Definisi rumah sendiri ialah rumah di atas tanah sendiri atau milik suami/isteri. Selain itu, jika rumah sendiri di atas tanah orang lain/pusaka/Kerajaan/ibu bapa masih boleh dipertimbangkan. Bagi pemohon yang berpendapatan melebihi RM2,500 pula dan dikategorikan layak disebabkan pendapatan pemohon tidak tetap dan tidak mempunyai slip gaji. Ada juga pendapatan isi rumah melebihi RM2,500 tetapi pendapatan salah seorang daripadanya tidak tetap atau bersifat sementara sahaja.

iii. Penggredan A, B, C dan X adalah untuk memudahkan Jawatankuasa Pemilihan membuat keputusan mengikut keutamaan.

iv. PMINT telah mengadakan perbincangan dengan Unit Perumahan, Pejabat SUK pada 9 Januari 2013 agar syarat-syarat tambahan yang diwujudkan oleh PMINT diterima pakai dan Unit Perumahan, Pejabat SUK bersetuju untuk menyediakan kertas cadangan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Antara syarat-syarat tambahan yang dicadangkan adalah:

- **Berpendapatan RM800 hingga RM3,000.**
- **Berusia 25 tahun hingga 50 tahun.**

- **Pemohon yang berusia 51 tahun hingga 60 tahun boleh dipertimbangkan sekiranya mempunyai pendapatan dan bantuan daripada anak/waris.**

- **Pemohon hendaklah bermastautin di dalam daerah projek perumahan yang dipohon.**

- **Pemohon yang mempunyai rumah sendiri yang uzur di atas tanah ibu bapa/Kerajaan/orang lain boleh dipertimbangkan.**

- **Keutamaan pertimbangan berdasarkan kepada gred yang telah dilaporkan dalam laporan siasatan.**

Pada pendapat Audit, syarat penyiasatan hendaklah diselaraskan dan laporan siasatan hendaklah dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya pemohon yang layak dapat diagihkan rumah.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pelaksanaan Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Pangsa Mampu Milik (RPMM) dapat ditambah baik dan dipercepatkan, pihak yang terlibat adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

2.5.1. Pejabat SUK hendaklah mempertingkatkan koordinasi dan komunikasi antara Jabatan/Agensi Kerajaan dan pihak swasta bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek.

2.5.2. Pejabat SUK, PMINT dan JKR hendaklah mematuhi sepenuhnya undang-undang dan arahan yang dikeluarkan bagi memastikan pentadbiran kontrak RMM/RPMM lebih teratur serta menjamin kepentingan semua pihak yang terlibat seperti Kerajaan Negeri, kontraktor dan pekerja.

2.5.3. Pejabat SUK dan PMINT hendaklah menyelaraskan syarat penyiasatan dan memastikan laporan siasatan dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan supaya pemohon yang layak dapat diagihkan rumah.

3. PEMBINAAN RUMAH KEDAI BAGI PUSAT PERTUMBUHAN DESA

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Program Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah merupakan satu perancangan program pembangunan ekonomi di kawasan yang dikenal pasti atau berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pertumbuhan di peringkat kampung. Antara aktivitinya ialah pembinaan rumah kedai untuk memberi peluang kepada masyarakat desa melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ini bersesuaian dengan objektif program iaitu mewujudkan satu aktiviti ekonomi dan sosial yang berpusat di kawasan berkenaan selaras dengan matlamat Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu Tahun 2009 Hingga 2013.

3.1.2. Peruntukan pembinaan rumah kedai disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) manakala Pejabat-pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan serta Agensi Kerajaan masing-masing bertindak sebagai agensi pelaksana di mana Ketua Jabatan adalah merupakan Pegawai Penguasa. Perolehan projek dibuat secara tender dan rundingan terus.

3.1.3. Bagi tahun 2009 hingga 2012, sejumlah 26 projek pembinaan rumah kedai telah dirancang bagi seluruh daerah dengan peruntukan sejumlah RM48.14 juta dan sejumlah RM37.02 juta telah dibelanjakan seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program PPD Bagi Tahun 2009 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2009	11.00	9.27
2010	20.00	13.78
2011	8.00	5.53
2012	9.14	8.44
Jumlah	**48.14**	**37.02**

Sumber: UPEN

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan rumah kedai bagi Program Pusat Pertumbuhan Desa telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi proses pembinaan sehingga pengagihan rumah kedai di bawah program PPD bagi tahun 2009 hingga 2012 di seluruh daerah. Pengauditan telah dilaksanakan di Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN), kesemua 7 Pejabat Daerah iaitu Pejabat Daerah Kemaman (PDK), Pejabat Daerah Dungun (PDD), Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT), Pejabat Daerah Kuala Terengganu (PDKT), Pejabat Daerah Besut (PDB), Pejabat Daerah Marang (PDM) dan Pejabat Daerah Setiu (PDS); Majlis Perbandaran Kemaman (MPK), Majlis Daerah Besut (MDB) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan lawatan ke lokasi juga dijalankan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati pada umumnya, PPD telah berjaya mewujudkan satu aktiviti ekonomi dan sosial yang berpusat di kawasan berkenaan. Bagaimanapun didapati, pelaksanaan projek pembinaan rumah kedai PPD adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti seperti berikut:

- Kelewatan menyiapkan projek.
- Prosedur perolehan secara rundingan terus tidak dipatuhi.
- Kualiti dan kemasan kerja tidak memuaskan.
- Kerja tidak mematuhi pelan dan spesifikasi.
- Pentadbiran kontrak tidak teratur.
- Pengurusan rumah kedai yang siap dibina tidak memuaskan.

3.4.1. Prestasi Pembinaan Rumah Kedai

3.4.1.1. Pada tahun 2009 hingga 2012, sebanyak 26 projek pembinaan rumah kedai PPD di seluruh daerah dirancang dan 21 telah dilaksanakan serta 5 masih di peringkat tender seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Projek Pembinaan Rumah Kedai PPD Mengikut Daerah Bagi Tahun 2009 Hingga 2012

Bil.	Daerah	Bilangan Projek			
		Dirancang	Dilaksanakan		Peringkat Tender*
			Siap Dibina	Dalam Pembinaan	
1.	Kemaman	9	3	4	2
2.	Dungun	5	1	3	1
3.	Hulu Terengganu	4	2	1	1
4.	Kuala Terengganu	3	2	-	1
5.	Besut	2	2	-	-
6.	Marang	2	2	-	-
7.	Setiu	1	1	-	-
Jumlah		**26**	**13**	**8**	**5**

Sumber: UPEN
Nota: * - Setakat bulan September 2012

3.4.1.2. Bagi 13 projek yang telah siap dibina, satu projek telah disiapkan dalam tempoh kontrak asal iaitu projek pembinaan rumah kedai di Pekan Kuala Besut, Besut dan 11 projek telah disiapkan setelah mendapat lanjutan masa antara 70 hingga 470 hari. Manakala satu projek pembinaan rumah kedai di Kampung Bukit Payong, Besut telah disiapkan melebihi tempoh lanjutan masa yang diluluskan. Semakan Audit mendapati Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) tidak dikenakan terhadap kontraktor tersebut. **Jadual 3.3** menunjukkan maklumat projek berkenaan dan antara projek yang telah siap dibina seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Jadual 3.3
Projek Rumah Kedai PPD Yang Telah Siap Dibina

Bil.	Projek Rumah Kedai	Kos Keseluruhan Projek (RM Juta)	Tarikh Siap Mengikut Kontrak	Lanjutan Masa		Tarikh Perakuan Siap Kerja
				Diluluskan Sehingga	Tempoh (Hari)	
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Pekan Kuala Besut, Besut	1.49	02.02.2011	-	-	02.02.2011
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu, Kemaman	1.69	11.03.2010	15.12.2010	279	12.12.2010
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Air Putih, Kemaman	1.24	28.01.2010	08.04.2010	70	08.04.2010
4.	12 Unit 3 Tingkat Di Bandar Baru Kijal, Kemaman	7.50	09.12.2010	19.10.2011	314	19.10.2011
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Lay By Bukit Besi Kampung Dendang (Fasa 2), Dungun	0.99	25.07.2009	07.11.2010	470	31.10.2010
6.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Payong, Besut	0.96	24.10.2010	30.11.2010	37	23.03.2011
7.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Nenas, Setiu	0.95	04.11.2009	26.02.2010	114	26.02.2010

Bil.	Projek Rumah Kedai	Kos Keseluruhan Projek (RM Juta)	Tarikh Siap Mengikut Kontrak	Lanjutan Masa		Tarikh Perakuan Siap Kerja
				Diluluskan Sehingga	Tempoh (Hari)	
8.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu	1.26	17.02.2010	21.06.2010	124	Tiada Maklumat*
9.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Menerong, Hulu Terengganu	1.15	03.03.2010	11.06.2010	100	28.05.2010
10.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Petai Bubus, Kuala Terengganu	1.14	24.08.2010	31.07.2011	341	31.07.2011
11.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Maras, Kuala Terengganu	1.06	17.07.2011	30.11.2011	136	30.11.2011
12.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Alor Limbat, Marang	1.23	13.04.2010	14.07.2010	92	24.06.2010
13.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Binjai Rendah, Marang	1.26	13.04.2010	13.09.2010	153	06.09.2010

Sumber: UPEN, PDK, PDD, PDB, PDS, PDHT, PDKT, PDM, MPK Dan MDB
Nota: * - Perakuan Siap Kerja yang disediakan tidak mengikut format JKR 203s-Pind. 2/83.

Gambar 3.1
Rumah Kedai Siap Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 19 Julai 2012

Gambar 3.2
Rumah Kedai Siap Dibina

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Air Putih, Kemaman
Tarikh: 9 Julai 2012

3.4.1.3. Bagi 8 projek yang masih dalam pembinaan, 2 projek masih dalam tempoh kontrak, 4 projek belum disiapkan walaupun tempoh lanjutan masa telah berakhir dan 2 projek telah tamat tempoh kontrak asal tetapi lanjutan masa belum dimohon seperti di **Jadual 3.4**. Daripada 6 projek yang belum disiapkan dalam tempoh kontrak asal, didapati 5 projek telah dikenakan LAD seperti di **Jadual 3.5**. **Gambar 3.3** dan **Gambar 3.4** menunjukkan projek yang masih dalam pembinaan.

Jadual 3.4
Projek Rumah Kedai PPD Yang Masih Dalam Pembinaan

Bil.	Projek Rumah Kedai	Kos Keseluruhan Projek (RM Juta)	Tarikh Sepatutnya Siap	Kemajuan Kerja* (%)	Status Projek**
Pejabat Daerah Dungun					
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Legong	1.16	31.10.2012	48.9	Projek masih dalam tempoh kontrak.
2.	7 Unit 2 Tingkat Di Lay By Bukit Besi Kampung Dendang (Fasa 3)	1.60	19.09.2012	16.7	Projek telah tamat tempoh kontrak asal tetapi lanjutan masa belum dimohon.
Pejabat Daerah Hulu Terengganu					
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong (Tambahan)	1.08	03.03.2013	53.0	Projek masih dalam tempoh kontrak.
Pejabat Daerah Kemaman					
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Perasing Jaya	1.15	06.12.2011	60.6	Lanjutan masa telah berakhir pada 15 Julai 2012.
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Payoh	1.76	20.12.2011	85.0	Lanjutan masa telah berakhir pada 15 Julai 2012.
6.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Geliga	1.14	06.12.2011	99.3	Lanjutan masa telah berakhir pada 30 Jun 2012.
7.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu (Tambahan)	1.20	22.07.2012	85.4	Projek telah tamat tempoh kontrak asal tetapi lanjutan masa belum dimohon.
KETENGAH					
8.	12 Unit 2 Tingkat Dan 4 Unit 3 Tingkat Di Bandar Al-Muktafi Billah Shah	4.09	27.09.2010	89.0	Lanjutan masa telah berakhir pada 29 Februari 2012.

Sumber: UPEN, PDD, PDHT, PDK Dan KETENGAH
Nota: * - Setakat tarikh lawatan Audit
** - Setakat bulan September 2012

Jadual 3.5
Kelewatan Menyiapkan Projek Pembinaan

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Siap Kontrak Asal	Bilangan Lanjutan Masa Diluluskan*	Tarikh Akhir Lanjutan Masa*	Tempoh Kelewatan* (Hari)	LAD Dikenakan (RM)
Pejabat Daerah Kemaman						
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Perasing Jaya	06.12.2011	3	15.07.2012	77	26,617
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Payoh	20.12.2011	3	15.07.2012	77	25,213
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Geliga	06.12.2011	3	30.06.2012	92	28,717
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu (Tambahan)	22.07.2012	Belum Dimohon	Belum Dimohon	70	11,239
Pejabat Daerah Dungun						
5.	7 Unit 2 Tingkat Di Lay By Bukit Besi Kampung Dendang (Fasa 3)	19.09.2012	Belum Dimohon	Belum Dimohon	12	-
KETENGAH						
6.	12 Unit 2 Tingkat Dan 4 Unit 3 Tingkat Di Bandar Al-Muktafi Billah Shah	27.09.2010	1	29.02.2012	214	74,391**

Sumber: PDK, PDD Dan KETENGAH
Nota: * - Setakat bulan September 2012
** - LAD yang dikenakan bagi tempoh 1 Mac 2012 hingga 15 Julai 2012 selama 137 hari dengan kadar RM543 sehari.

Gambar 3.3
Rumah Kedai Dalam Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Legong, Dungun
Tarikh: 27 Jun 2012

Gambar 3.4
Rumah Kedai Dalam Pembinaan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong (Tambahan), Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

3.4.1.4. Analisis Audit terhadap 16 projek yang telah diluluskan lanjutan masa antara satu hingga 4 kali yang melibatkan tempoh antara 37 hingga 529 hari mendapati antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah seperti masalah cuaca, kelewatan memberi milik tapak, kelewatan bekalan bahan binaan, kelewatan maklum balas daripada Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd. dan Tenaga Nasional Berhad, perubahan tapak, perubahan kerja, dan kerja-kerja tanah.

3.4.1.5. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. **Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 3 Januari 2013, pada pandangan UPEN, kelewatan tidak sepatutnya berlaku kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan kerana ia akan memberi impak kepada tujuan asal projek. UPEN juga perlu memberi perhatian yang lebih dalam memantau projek-projek ini di masa akan datang.**

b. **Berdasarkan maklum balas PDK bertarikh 14 Februari 2013, LAD telah dikenakan terhadap projek pembinaan rumah kedai di Kampung Perasing Jaya, Kampung Payoh, Kampung Geliga dan Kampung Padang Kubu (Tambahan).**

c. **Berdasarkan maklum balas KETENGAH bertarikh 18 Disember 2012, pengesyoran Kerajaan Negeri untuk menamatkan kontrak atau menggunakan kontrak baru telah diambil tindakan oleh pihak KETENGAH pada 14 Ogos 2011 dan telah dihantar kepada pihak Kerajaan Negeri bersama Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor untuk ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri. Permohonan lanjutan masa ke-2 telah dibuat oleh pihak kontraktor tetapi ianya masih menunggu maklumat tambahan sebelum pertimbangan lanjut dibuat. Pelaksanaan kerja sehingga kini hanya mencapai 90%. Pada masa sekarang, kontraktor melaksanakan projek dalam tempoh berdenda iaitu sebanyak RM543 sehari.**

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana perlu mengambil tindakan terhadap kontraktor yang lewat menyiapkan projek serta menguatkuasakan bayaran LAD bagi projek yang melepasi tempoh lanjutan masa.

3.4.2. Prosedur Perolehan Secara Rundingan Terus Tidak Dipatuhi

3.4.2.1. Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia bertarikh 17 April 2002 menetapkan perolehan secara rundingan terus boleh dibuat setelah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Garis Panduan ini juga menyatakan bahawa setiap permohonan secara rundingan terus hanya boleh dipertimbangkan berasaskan beberapa kriteria yang ditetapkan seperti berikut:

a. **Keperluan Mendesak** - Perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan yang mendesak dan perlu disegerakan. Sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera, ianya boleh menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

b. **Bagi Maksud Penyeragaman** - Bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli, maka permohonan untuk membeli barangan yang sama daripada pembekal yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan.

c. **Satu Punca Bekalan/Perkhidmatan** - Pembelian khusus yang mana hanya satu syarikat sahaja yang dapat membekalkan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti dan lain-lain.

d. **Melibatkan Keselamatan/Strategik** - Perolehan yang melibatkan alat-alat keselamatan atau projek tertentu yang strategik dan perlu dirahsiakan.

e. **Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera** - Bagi barangan tertentu yang mana terdapat satu atau 2 pembuat Bumiputera sahaja, perolehan secara rundingan terus bolehlah dipertimbangkan bagi membantu mewujudkan pembuat Bumiputera yang berdaya saing.

3.4.2.2. Semakan Audit mendapati PDK dan KETENGAH telah melantik kontraktor secara rundingan terus masing-masing bagi projek pembinaan rumah kedai di Kampung Padang Kubu (Tambahan), Kemaman dan di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun. Semakan selanjutnya mendapati perolehan yang dibuat bagi kedua projek ini tidak memenuhi semua kriteria sepertimana garis panduan di atas tetapi telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Setakat tarikh pengauditan, kedua projek tersebut masih dalam pembinaan dan telah tamat tempoh kontrak asal. Bagi projek pembinaan rumah kedai di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun, tarikh sepatut siap ialah pada 27 September 2010 dan telah diluluskan lanjutan masa selama 520 hari

sehingga 29 Februari 2012 dengan kemajuan kerja adalah sebanyak 89%. Manakala bagi projek pembinaan rumah kedai di Kampung Padang Kubu (Tambahan), Kemaman pula, tarikh sepatut siap ialah pada 22 Julai 2012 dan tidak ada lanjutan masa dimohon dengan kemajuan kerja adalah sebanyak 85.4%.

3.4.2.3. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. **Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 16 Januari 2013, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melantik kontraktor tersebut secara rundingan terus (reka dan bina) bagi pembinaan rumah kedai di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun kerana harga yang ditawarkan adalah jauh lebih rendah daripada yang dapat ditawarkan oleh kontraktor lain. Mengikut perkiraan kasar, kontraktor telah menawarkan harga RM782/m^2 berbanding bangunan lain seperti contoh 12 unit rumah kedai di Bandar Baru Kijal, Kemaman yang dijalankan secara tender terbuka iaitu RM911/m^2. Tambahan lagi, kontraktor ini didapati mempunyai rekod kerja yang cemerlang semasa Kerajaan Negeri membuat pertimbangan untuk melantiknya. Bagaimanapun, satu tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi kegagalan kontraktor ini untuk menjalankan kerja dengan sempurna.**

b. **Berdasarkan maklum balas KETENGAH bertarikh 18 Disember 2012, perolehan kerja dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri dan KETENGAH hanyalah sebagai Pengarah Projek dan Pentadbir Kontrak.**

c. **Berdasarkan maklum balas PDK bertarikh 18 Disember 2012, sebab-sebab pemberian terus diberikan adalah bagi menjimatkan masa dan pemilihan kontraktor yang berwibawa.**

Pada pendapat Audit, UPEN dan agensi pelaksana perlu memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur semasa yang telah ditetapkan.

3.4.3. Kualiti Dan Kemasan Kerja Tidak Memuaskan

3.4.3.1. Kerja-kerja pembinaan hendaklah dilakukan mengikut Syarat-syarat Kontrak dan piawaian kualiti yang telah ditetapkan. Kesemua projek tersebut telah disiapkan pada tahun 2010 dan 2011 serta pembayaran telah pun dibuat kepada kontraktor berkenaan. Lawatan Audit bersama Juruteknik/Jurutera Pejabat/Agensi yang terlibat ke 13 lokasi projek mendapati 9 daripadanya adalah tidak memuaskan dari segi kualiti dan kemasan kerja seperti di **Jadual 3.6** dan **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.26**.

Jadual 3.6
Kualiti Dan Kemasan Kerja Tidak Memuaskan Bagi Projek Pembinaan Rumah Kedai PPD

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Perakuan Siap Kerja	Tempoh Tanggungan Kecacatan	Butiran Kualiti Kerja Semasa Lawatan Audit
Pejabat Daerah Setiu				
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Nenas	26.02.2010	27.02.2010 hingga 26.02.2011	Dinding tidak dilepa simen, kebocoran pada paip saluran kumbahan, lepaan simen lantai pecah, perangkap lantai dan saluran paip buangan tidak sama saiz antaranya seperti di **Gambar 3.5**.
Pejabat Daerah Besut				
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Payong	23.03.2011	23.03.2011 hingga 22.02.2012	Kayu sokongan tangki melendut, kayu sokongan tangki retak, resapan air pada kayu lapik tangki, kesan bocor pada siling, kesan lelehan air pada rasuk, siling dipasang tidak rapat ke dinding antaranya seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.9**.
Pejabat Daerah Marang				
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Binjai Rendah	06.09.2010	07.09.2010 hingga 06.09.2011	Longkang dibina tidak lurus, sisa bahan binaan dalam tangki septik dan *premix* tidak diturap dengan rata antaranya seperti di **Gambar 3.10** dan **Gambar 3.11**.
Pejabat Daerah Hulu Terengganu				
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong	Tiada Maklumat*	Tiada Maklumat*	Sebahagian siling rumah kedai runtuh, siling berlubang dan berkulat, kesan resapan air dan kayu berkulat, lepaan simen pada dinding tidak rata dan siling dipasang tidak rapat ke dinding, siling melendut hampir runtuh, pembentukan stalaktit pada rasuk, lepaan simen pada siling tidak rata dan tidak dicat, keretakan pada permukaan dinding, *premix* pecah dan berlubang, *roller shutter* rosak dan pemasangan penutup longkang konkrit yang tidak sempurna antaranya seperti di **Gambar 3.12** dan **Gambar 3.13**.
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Menerong	28.05.2010	29.05.2010 hingga 28.05.2011	Kesan kulat pada siling, kesan resapan air pada siling dan dinding serta siling dipasang tidak rapat ke dinding antaranya seperti di **Gambar 3.14** dan **Gambar 3.15**.
Pejabat Daerah Kuala Terengganu				
6.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Petai Bubus	31.07.2011	01.08.2011 hingga 01.08.2012	Permukaan siling konkrit tidak diratakan dan tidak dicat, sink dipasang senget, keretakan pada dinding, serpihan pada permukaan dinding, keretakan pada apron, kesan kebocoran pada siling, kesan resapan air dan kulat pada *slab* antaranya seperti di **Gambar 3.16** dan **Gambar 3.17**.
7.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Maras	30.11.2011	01.12.2011 hingga 01.12.2012	Besi tetulang terdedah, kayu tidak ditanggalkan, kebocoran pada saluran paip, lepaan simen pada permukaan siling tidak rata dan tidak dicat, permukaan siling terdedah dan tidak dilepa simen, jubin tidak dipasang, keretakan pada lantai simen, *premix* tidak diturap dengan rata, siling dibina tidak rapat ke dinding dan alat binaan tidak dibersihkan antaranya seperti di **Gambar 3.18** hingga **Gambar 3.20**.

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Perakuan Siap Kerja	Tempoh Tanggungan Kecacatan	Butiran Kualiti Kerja Semasa Lawatan Audit
Majlis Daerah Besut				
8.	4 Unit 2 Tingkat Di Pekan Kuala Besut	02.02.2011	03.02.2011 hingga 02.02.2012	Kayu sokongan tangki air dipasang di atas jubin, papan terpakai digunakan bagi melapik tangki air, binaan longkang tidak lurus, birai *sump* longkang retak dan alat binaan, permukaan jubin serta tandas tidak dibersihkan antaranya seperti di **Gambar 3.21** dan **Gambar 3.22**.
Majlis Perbandaran Kemaman				
9.	12 Unit 3 Tingkat Di Bandar Baru Kijal	19.10.2011	20.10.2011 hingga 19.10.2012	Retak pada *apron slab*, permukaan dinding tidak dilepa simen dengan kemas dan tidak dicat, kesan resapan air dan kulat pada kayu, papan lapik tangki air tidak dipasang dengan sempurna, kesan rekahan pada kaki lima, saluran paip tidak dipasang dengan sempurna, penutup *manhole* pecah, pembentukan stalaktit, kemasan *decorative precast concrete* kurang berkualiti, kesan resapan air pada bumbung, resapan air dan rekahan pada lantai bangunan dan pemasangan pintu tidak rapat ke lantai antaranya seperti di **Gambar 3.23** hingga **Gambar 3.26**.

Sumber: PDM, PDHT, PDKT, PDS, PDB, MDB Dan MPK
Nota: * - Perakuan Siap Kerja yang disediakan tidak mengikut format JKR 203s-Pind. 2/83

Gambar 3.5
Dinding Tidak Dilepa Simen

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 19 Julai 2012

Gambar 3.6
Dinding Telah Dilepa Simen

Sumber: Pejabat Daerah Setiu
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 3 November 2012

Gambar 3.7
Kayu Sokongan Tangki Melendut

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Payong, Besut
Tarikh: 18 Julai 2012

Gambar 3.8
Siling Dipasang Tidak Rapat Ke Dinding

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Payong, Besut
Tarikh: 18 Julai 2012

Gambar 3.9
Resapan Air Pada Kayu Lapik Tangki

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Payong, Besut
Tarikh: 18 Julai 2012

Gambar 3.10
***Premix* Tidak Diturap Dengan Rata**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Binjai Rendah, Marang
Tarikh: 5 Ogos 2012

Gambar 3.11
Longkang Dibina Tidak Lurus

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Binjai Rendah, Marang
Tarikh: 5 Ogos 2012

Gambar 3.12
Kesan Resapan Air Dan Kayu Berkulat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.13
Sebahagian Siling Rumah Kedai Yang Runtuh

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.14
Siling Dipasang Tidak Rapat Ke Dinding

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Menerong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.15
Kesan Resapan Air Pada Siling Dan Dinding

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Menerong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.16
Keretakan Pada Apron

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Petai Bubus, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.17
Permukaan Siling Konkrit Tidak Diratakan Dan Tidak Dicat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Petai Bubus, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.18
Lepaan Simen Pada Permukaan Siling Tidak Rata Dan Tidak Dicat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Maras, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.19
***Premix* Tidak Diturap Dengan Rata**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Maras, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.20
Jubin Tidak Dipasang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Maras, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.21
Papan Terpakai Digunakan Bagi Melapik Tangki Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Kuala Besut, Besut
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 3.22
Binaan Longkang Tidak Lurus

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Kuala Besut, Besut
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 3.23
Kesan Resapan Air Pada Bumbung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.24
Kemasan *Decorative Precast Concrete* Kurang Berkualiti

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.25
Kesan Resapan Air Dan Kulat Pada Kayu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.26
Permukaan Dinding Tidak Dilepa Simen Dengan Kemas Dan Tidak Dicat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

3.4.3.2. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. **Berdasarkan maklum balas PDM bertarikh 26 Disember 2012, kecacatan berlaku akibat daripada kerja-kerja lain yang dilakukan (*premix* semula dataran) menyebabkan tanah menghimpit ke longkang. Setelah siap pembinaan hingga tamat tempoh kecacatan, keadaannya sempurna. Oleh kerana kelewatan bangunan tersebut disewa, telah berlaku kecurian penutup tangki septik dan menyebabkan sampah berlonggokan di dalamnya. Manakala jalan yang diturap rosak disebabkan laluan keluar masuk lori ke bengkel berdekatan. PDM telah mengarahkan agar jalan yang rosak dibaiki dan longkang yang tidak lurus akibat kerja-kerja *premix* semula dataran telah dibaikpulih oleh kontraktor. Di samping itu, kawasan-kawasan di sekitar tersebut juga telah dibersihkan.**

b. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 6 Disember 2012 dan 26 Disember 2012, pihak PDHT akan mengambil tindakan untuk pembaikan jika kerosakan besar dan kerosakan kecil ditanggung oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) kampung berkenaan. Arahan untuk pembaikan telah dikeluarkan kepada JKKK untuk tindakan pembaikan tetapi tiada tindakan dan laporan dibuat oleh JKKK berkenaan.**

c. **Berdasarkan maklum balas PDKT bertarikh 3 Januari 2013, segala kecacatan yang dilaporkan telah dibaiki dengan sempurna.**

d. **Berdasarkan maklum balas PDS bertarikh 10 Disember 2012, ekoran daripada teguran Audit, PDS telah mengadakan satu mesyuarat dengan pihak kontraktor dan JKKK Kampung Bukit Nenas pada 21 November 2012. Sehubungan itu, pihak kontraktor sanggup untuk membaiki segala kecacatan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit dengan tidak menuntut**

pembayaran. Segala kecacatan tersebut telah diambil tindakan dan dibaiki contohnya seperti di **Gambar 3.6**.

e. **Berdasarkan maklum balas PDB bertarikh 16 November 2012, keadaan tersebut berlaku disebabkan agihan beban yang tidak teratur dan tangki air yang diletakkan tidak berada di tengah pelantar kayu tersebut, terlepas pandang dan bebola tangki tidak berfungsi dengan baik. Selain itu, kebocoran atap bahagian tepi tersebut pernah dibaiki dan ia adalah kesan lama walaupun telah dilapisi cat sebelum ini. Ini adalah kelemahan daripada reka bentuk kekuda bumbung tersebut dan ia perlu dikaji balik untuk masa akan datang. Tindakan pembaikan telah pun diambil.**

f. **Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 9 Disember 2012, bagi binaan longkang tepi bangunan, ia dibina selepas kerja *premix* tepi bangunan dilakukan. Ini mungkin disebabkan faktor kerja *premix* yang menyebabkan longkang yang dibina tidak lurus. Selain itu, semasa penyerahan projek, MDB telah membuat pemeriksaan bersama dengan pihak kontraktor dan pada masa itu kesemua tempat di sekitar bangunan telah dibersihkan oleh pihak kontraktor. MDB akan membuat pemeriksaan susulan untuk mengenal pasti dan membaik pulih kerosakan sepertimana semasa penyerahan dibuat.**

g. **Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 13 Januari 2013, kecacatan yang dilaporkan adalah disebabkan oleh ketidaksempurnaan kerja oleh pihak kontraktor. Pihak kontraktor telah diarahkan agar membaiki segala kecacatan tersebut dan jadual membaiki kecacatan dikeluarkan oleh pihak perunding pada 25 Oktober 2012.**

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana perlu memantau dengan rapi bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan.

3.4.4. Kerja Tidak Mematuhi Pelan Dan Spesifikasi

3.4.4.1. Pelaksanaan kerja hendaklah mematuhi pelan dan spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan. Setiap perubahan kerja dan spesifikasi hendaklah diluluskan sebelum dilaksanakan. Semakan Audit mendapati kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mematuhi pelan dan spesifikasi yang ditetapkan dan kelulusan perubahan kerja tidak diperoleh seperti di **Jadual 3.7** dan **Gambar 3.27** hingga **Gambar 3.43**. Juruteknik/Jurutera Pejabat/Agensi telah mengesahkan kerja-kerja tersebut telah sempurna dan pembayaran telah pun dibuat sepenuhnya.

Jadual 3.7
Kerja Tidak Mematuhi Pelan Dan Spesifikasi

Bil.	Projek Rumah Kedai	Spesifikasi/Pelan Bangunan	Kerja Yang Dilaksanakan
Pejabat Daerah Setiu			
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Nenas	Paip sink perlu dipasang perangkap.	Perangkap sink tidak dipasang dan paip bengkok seperti di **Gambar 3.27**.
		Anak tangga dipasang *nosing tiles* dan susur tangga.	Anak tangga tidak dipasang *nosing tiles* dan susur tangga seperti di **Gambar 3.29**.
		Kelebaran anak tangga ialah 255 mm.	Lebar anak tangga yang dibina ialah 200 mm.
Pejabat Daerah Kemaman			
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Perasing Jaya	Lokasi tangki septik hendaklah dipasang di apron belakang bangunan.	Kedudukan tangki septik di dalam tandas dan bilik mandi seperti di **Gambar 3.31** dan **Gambar 3.32**.
		Kelebaran anak tangga ialah 255 mm.	Kelebaran anak tangga ialah 210 mm dan 220 mm.
		Insulation Sheets dipasang di bawah bumbung.	*Insulation Sheets* tidak dipasang.
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Payoh	*Insulation Sheets* dipasang di bawah bumbung.	*Insulation Sheets* tidak dipasang seperti di **Gambar 3.33**.
Pejabat Daerah Hulu Terengganu			
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong	Lokasi tangki septik hendaklah dipasang di apron belakang bangunan.	Lokasi tangki septik dipasang di luar apron bangunan seperti di **Gambar 3.34**.
		Penyambungan konduit hendaklah menggunakan aksesori alat tambahan.	Penyambungan konduit tidak menggunakan aksesori alat tambahan seperti di **Gambar 3.35**.
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Menerong	Lokasi tangki septik hendaklah dipasang di apron belakang bangunan.	Lokasi tangki septik dipasang di luar apron bangunan seperti di **Gambar 3.36**.
		Anak tangga dipasang *nosing tiles* dan susur tangga.	Anak tangga tidak dipasang *nosing tiles* dan susur tangga seperti di **Gambar 3.37**.
		Pintu perlu sepadan dengan bingkai pintu.	Pintu tidak sama tinggi dengan bingkai pintu seperti di **Gambar 3.38**.
Pejabat Daerah Kuala Terengganu			
6.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Maras	Anak tangga dipasang *nosing tiles* dan susur tangga.	Anak tangga tidak dipasang *nosing tiles* dan susur tangga seperti di **Gambar 3.39**.
		Perangkap sink perlu dipasang.	Perangkap sink tidak dipasang.
		Penyambungan konduit hendaklah menggunakan aksesori alat tambahan.	Penyambungan konduit tidak menggunakan aksesori alat tambahan.
		Lot parkir perlu dicat garisan.	Lot parkir tidak dicat garisan.
KETENGAH			
7.	12 Unit 2 Tingkat Dan 4 Unit 3 Tingkat Di Bandar Al-Muktafi Billah Shah	*Rockwool* dipasang di bawah bumbung.	*Rockwool* tidak dipasang di bawah bumbung seperti di **Gambar 3.40**.
		Kapasiti muatan tangki air ialah 300 gelen dan tangki air disokong dengan 3 batang *mild steel angle*.	Tangki air dipasang dengan kapasiti muatan 150 gelen dan 250 gelen serta disokong dengan menggunakan kayu seperti di **Gambar 3.41**.
		Penyambungan konduit hendaklah menggunakan aksesori alat tambahan.	Penyambungan konduit tidak menggunakan aksesori alat tambahan seperti di **Gambar 3.42**.
		Anak tangga dipasang *nosing tiles*.	Anak tangga tidak dipasang *nosing tiles* seperti di **Gambar 3.43**.
		Perangkap lantai dipasang pada bahagian penjuru lantai.	Kedudukan perangkap lantai dipasang pada bahagian tengah lantai.

Sumber: PDK, PDM, PDS, PDHT, PDKT Dan KETENGAH

Gambar 3.27
Perangkap Sink Tidak Dipasang
Dan Paip Bengkok

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 19 Julai 2012

Gambar 3.28
Perangkap Sink Telah Dipasang
Dan Paip Telah Dibaiki

Sumber: Pejabat Daerah setiu
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 3 November 2012

Gambar 3.29
Anak Tangga Tidak Dipasang *Nosing Tiles* Dan Susur Tangga

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 19 Julai 2012

Gambar 3.30
Anak Tangga Telah Dipasang *Nosing Tiles* Dan Susur Tangga

Sumber: Pejabat Daerah Setiu
Lokasi: Kampung Bukit Nenas, Setiu
Tarikh: 3 November 2012

Gambar 3.31
Kedudukan Tangki Septik
Di Dalam Tandas

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Perasing Jaya, Kemaman
Tarikh: 9 Julai 2012

Gambar 3.32
Kedudukan Tangki Septik
Di Dalam Bilik Mandi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Perasing Jaya, Kemaman
Tarikh: 9 Julai 2012

Gambar 3.33
***Insulation Sheets* Tidak Dipasang**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Payoh, Kemaman
Tarikh: 9 Julai 2012

Gambar 3.34
Lokasi Tangki Septik Dipasang Di Luar Apron Bangunan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.35
Penyambungan Konduit Tidak Menggunakan Aksesori Alat Tambahan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.36
Lokasi Tangki Septik Dipasang Di Luar Apron Bangunan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Menerong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.37
Anak Tangga Tidak Dipasang
***Nosing Tiles* Dan Susur Tangga**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Menerong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.38
Pintu Tidak Sama Tinggi Dengan Bingkai Pintu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Menerong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.39
Anak Tangga Tidak Dipasang *Nosing Tiles* Dan Susur Tangga

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Maras, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.40
***Rockwool* Tidak Dipasang Di Bawah Kepingan Bumbung**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun
Tarikh: 15 Julai 2012

Gambar 3.41
Tangki Air Dengan Kapasiti Muatan 250 Gelen Disokong Menggunakan Kayu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun
Tarikh: 15 Julai 2012

Gambar 3.42
Penyambungan Konduit Tidak Menggunakan Aksesori Alat Tambahan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun
Tarikh: 15 Julai 2012

Gambar 3.43
Anak Tangga Tidak Dipasang *Nosing Tiles*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun
Tarikh: 15 Julai 2012

3.4.4.2. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

a. Berdasarkan maklum balas PDK bertarikh 14 Februari 2013, surat arahan pembaikan telah dikeluarkan supaya kerja-kerja pembaikan dilakukan mengikut

spesifikasi yang dikehendaki. Sekiranya kontraktor gagal untuk membuat pembaikan, pentadbiran ini akan melantik pihak ketiga untuk menjalankan kerja-kerja tersebut. Segala bayaran kepada pihak kontraktor ketiga akan ditolak daripada harga kontraktor mengikut kadar kerja yang dilakukan. Bebanan tugas oleh Juruteknik juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan kurangnya penyeliaan di tapak yang mana pada tahun 2012 sahaja jumlah inden kerja yang keluarkan oleh Pejabat Daerah Kemaman ialah sebanyak 448 inden kerja termasuk 5 tender. Inden-inden tersebut di buat melalui peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri, Projek Pembangunan Rakyat Termiskin, Amanah Jalan Raya, peruntukan tahunan negeri termasuk *Add Hoc*. Peruntukan tersebut perlu dibelanjakan pada tahun semasa. Pejabat Daerah Kemaman hanya mempunyai seorang Penolong Jurutera, seorang Juruteknik Kanan dan 3 orang Juruteknik untuk menyelia kerja-kerja tersebut.

b. **Berdasarkan maklum balas PDS bertarikh 10 Disember 2012, selepas teguran Audit, segala kecacatan tersebut telah diambil tindakan dan dibaiki contohnya seperti di Gambar 3.28 dan Gambar 3.30.**

c. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 6 Disember 2012, segala kerosakan besar perlulah dikemukakan ke PDHT bagi tindakan pembaikan dan kerosakan kecil, bayaran elektrik dan air, kebersihan ditanggung oleh pihak JKKK kampung berkenaan. Pihak PDHT memaklumkan bahawa tanggungjawab kontrak telah tamat dan habis tempoh tamat kecacatan. Bangunan ini telah diserahkan kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu pada 29 Oktober 2012 dan pembaikan seterusnya akan ditanggung oleh pihak Majlis.**

d. **Berdasarkan maklum balas PDKT bertarikh 3 Januari 2013, PDKT telah mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor supaya membaiki dan memenuhi spesifikasi kerja yang diperlukan.**

e. **Berdasarkan maklum balas KETENGAH bertarikh 18 Disember 2012, surat arahan kepada kontraktor untuk memperbetulkan kerja yang tidak mematuhi pelan dan spesifikasi telah dikeluarkan pada 29 November 2012 untuk diambil tindakan.**

Pada pendapat Audit, agensi pelaksana hendaklah sentiasa menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja oleh kontraktor bagi mengelakkan kerja yang tidak mematuhi pelan dan spesifikasi.

3.4.5. Pentadbiran Kontrak Tidak Teratur

Pentadbiran kontrak yang teratur adalah penting bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan melicinkan urusan yang berhubung kait dengan pelaksanaan sesuatu perolehan.

Pengauditan yang dijalankan terhadap pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:

3.4.5.1. Projek Tidak Dilindungi Insurans Dalam Tempoh Lanjutan Masa

a. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 16 Mei 2007 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 menyatakan Pegawai Penguasa hendaklah memastikan kontraktor melanjutkan tempoh liputan insurans yang berkaitan dalam tempoh lanjutan masa tersebut sehingga tempoh tanggungan kecacatan berakhir. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, maka Pegawai Penguasa hendaklah mengambil tindakan melanjutkan tempohnya untuk menjamin kepentingan Kerajaan. Klausa 15.3 Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A (Rev. 2007) menetapkan Pegawai Penguasa bagi pihak Kerajaan boleh memperbaharui insurans dan membayar premium insurans dengan memotong kos bayaran premium tersebut daripada wang yang kena dibayar kepada kontraktor.

b. Semakan Audit mendapati sebanyak 5 daripada 16 projek pembinaan rumah kedai yang diluluskan lanjutan masa tidak dilindungi insurans seperti di **Jadual 3.8** dan tidak ada tindakan selanjutnya diambil oleh agensi pelaksana terhadap perkara tersebut.

Jadual 3.8
Projek Dalam Pembinaan Yang Diluluskan Lanjutan Masa Tidak Dilindungi Insurans

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Insurans Tamat Tempoh	Lanjutan Masa Yang Diluluskan	
			Bilangan	Tempoh
Pejabat Daerah Kemaman				
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu	11.03.2010	1	12.03.2010 hingga 10.10.2010
			2	11.10.2010 hingga 15.12.2010
Pejabat Daerah Marang				
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Alor Limbat	13.04.2010	1	14.04.2010 hingga 13.05.2010
			2	14.05.2010 hingga 14.07.2010
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Binjai Rendah	13.04.2010	1	14.04.2010 hingga 13.09.2010
Majlis Perbandaran Kemaman				
4.	12 Unit 3 Tingkat Di Bandar Baru Kijal	09.12.2010	1	10.12.2010 hingga 31.08.2011
Pejabat Daerah Hulu Terengganu				
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong	17.02.2010	1	18.02.2010 hingga 21.06.2010

Sumber: PDK, PDM, MPK dan PDHT

c. Perkara ini berlaku disebabkan agensi pelaksana kurang memberi perhatian terhadap keperluan melindungi kepentingan Kerajaan Negeri. Kesannya jika berlaku kerosakan, Kerajaan Negeri mengalami kerugian kerana tidak dapat menuntut ganti rugi. Contohnya kejadian ribut yang berlaku pada 24 Mei 2012 di Bandar Baru Kijal,

Kemaman telah menyebabkan kerosakan pada bangunan rumah kedai. Oleh kerana liputan insurans telah tamat tempoh, kerosakan tersebut telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri dengan kos pembaikan sejumlah RM200,000. **Gambar 3.44** hingga **Gambar 3.47** menunjukkan kerosakan dan kerja-kerja pembaikan yang sedang dijalankan.

Gambar 3.44
Siling Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.45
***Roller Shutter* Tercabut**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.46
Pembaikan Atap Sedang Dijalankan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

Gambar 3.47
Pembaikan Atap Sedang Dijalankan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Kijal, Kemaman
Tarikh: 8 Julai 2012

d. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. **Berdasarkan maklum balas PDM bertarikh 26 Disember 2012, kedua projek ini telah dibuat perlindungan insurans semasa tempoh lanjutan masa tetapi salinan sijil insurans telah dihantar kepada Pejabat Akauntan dan tiada salinan difailkan.**

ii. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 17 Januari 2013, PDHT tidak akan mengulangi perkara tersebut.**

iii. **Berdasarkan maklum balas MPK bertarikh 13 Januari 2013, kegagalan pihak kontraktor memperbaharui insurans sehingga ke tarikh tempoh kecacatan yang diberikan adalah disebabkan pihak perunding Juruukur Bahan selaku perunding kontrak yang gagal mengarahkan pihak kontraktor untuk memperbaharui insurans sehingga ke tarikh lanjutan masa yang dibenarkan iaitu sehingga 31 Ogos 2011.**

3.4.5.2. Perakuan Siap Dan Pematuhan Tidak Dikeluarkan

a. Perakuan Siap Dan Pematuhan adalah bertujuan memperakukan bangunan yang dibina telah mematuhi semua aspek perundangan dan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan serta memastikan bangunan tersebut adalah selamat dan selesa untuk diduduki. Ini selaras dengan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984 yang menetapkan tiada seorang pun boleh menduduki atau membenarkan menduduki mana-mana bahagian bangunan melainkan Perakuan Siap Dan Pematuhan dikeluarkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 10 projek rumah kedai yang telah siap dibina dan telah tamat tempoh tanggungan kecacatan serta sebahagiannya telah disewakan masih belum dikeluarkan Perakuan Siap Dan Pematuhan seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Perakuan Siap Dan Pematuhan Tidak Dikeluarkan Bagi Bangunan Siap

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Perakuan Siap Kerja	Tarikh Tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan	Status	
				Disewakan (Pintu)	Kosong (Pintu)
Pejabat Daerah Kemaman					
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu	12.12.2010	13.12.2011	1	7
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Air Putih	08.04.2010	10.04.2011	8	-
Pejabat Daerah Marang					
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Alor Limbat	24.06.2010	28.12.2010	8	-
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Binjai Rendah	06.09.2010	06.09.2011	8	-
Pejabat Daerah Dungun					
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Lay By Bukit Besi Kampung Dendang (Fasa 2)	31.10.2010	31.10.2011	7	1
Pejabat Daerah Hulu Terengganu					
6.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong	Tiada Maklumat*	Tiada Maklumat*	2	6
7.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Menerong	28.05.2010	Tiada Maklumat	6	2
Pejabat Daerah Setiu					
8.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Nenas	26.02.2010	26.02.2011	8	-
Pejabat Daerah Besut					
9.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Payong	23.03.2011	22.02.2012	-	-
Majlis Daerah Besut					
10.	4 Unit 2 Tingkat Di Pekan Kuala Besut	02.02.2011	02.02.2012	-	-

Sumber: PDK, PDM, PDD, PDHT, PDS, PDB Dan MDB
Nota: * - Perakuan Siap Kerja yang disediakan tidak mengikut format JKR 203s-Pind. 2/83

b. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. **Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 3 Januari 2013, perunding dilantik hanya bagi kerja reka bentuk sehingga dokumentasi kontrak sahaja. Pengurusan projek seterusnya adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Daerah dan Agensi Negeri terlibat selaku Pegawai Penguasa. Pegawai Penguasa bertanggungjawab untuk mengawasi dan memperakukan kerja-kerja yang dilaksanakan. Projek di bawah seliaan Pegawai Daerah tidak memerlukan Perakuan Siap Dan Pematuhan. Bagaimanapun, usaha-usaha telah dibincangkan bagi mendapatkan pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memenuhi keperluan pengguna.**

ii. **Berdasarkan maklum balas PDK bertarikh 18 Disember 2012, PDK tidak pernah memohon Perakuan Siap Dan Pematuhan memandangkan bangunan tersebut adalah bangunan Kerajaan. Bagaimanapun, PDK sedang dalam proses untuk memohon Perakuan Siap dan Pematuhan daripada agensi yang berkaitan.**

iii. **Berdasarkan maklum balas PDM bertarikh 26 Disember 2012, untuk bangunan yang dibina oleh pihak Kerajaan, sememangnya kelulusan pelan, Perakuan Siap Dan Pematuhan tidak dimohon daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan semua bangunan Kerajaan tidak perlu mendapat Sijil Layak Menduduki. PDM memaklumkan perkara tersebut telah dirujuk dengan pihak berkaitan.**

iv. **Berdasarkan maklum balas PDD bertarikh 31 Disember 2012, peranan yang perlu dilaksanakan oleh pejabat ini adalah untuk memastikan kerja-kerja pembinaan siap mengikut pelan yang telah dikemukakan oleh perunding tidak termasuk untuk mendapatkan Perakuan Siap Dan Pematuhan dan perkara ini juga tidak dirujuk kepada UPEN dan perunding.**

v. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 6 Disember 2012, Perakuan Siap Dan Pematuhan tidak dimohon daripada Pihak Berkuasa Tempatan.**

vi. **Berdasarkan maklum balas PDS bertarikh 10 Disember 2012, Perakuan Siap Dan Pematuhan tidak dikeluarkan kerana bangunan ini milik PDS (Kerajaan).**

Pada pendapat Audit, UPEN dan agensi pelaksana perlu mematuhi sepenuhnya peraturan bagi memastikan pengurusan pentadbiran kontrak lebih teratur. Perakuan Siap Dan Pematuhan masih perlu dikeluarkan kerana bangunan ini adalah untuk disewakan kepada peniaga. Selain itu, Perakuan Siap Dan Pematuhan ini dapat membantu peniaga untuk urusan tertentu yang berkaitan dengan perniagaan mereka.

3.4.6. Pengurusan Rumah Kedai Siap Dibina Tidak Memuaskan

Penyediaan rumah kedai PPD bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat desa melibatkan diri secara aktif dalam bidang perniagaan. Rumah kedai tersebut akan disewakan kepada penduduk yang berminat untuk menjalankan perniagaan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan rumah kedai diuruskan sama ada oleh Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran/Daerah, Agensi Negeri atau JKKK. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

3.4.6.1. Kutipan Sewa Tidak Diakaunkan Sebagai Hasil Kerajaan Negeri

a. Arahan Perbendaharaan 53 menetapkan adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal bagi memungut dengan sewajarnya segala Wang Awam yang patut diterima oleh atau di bawah arahan mereka, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan oleh mereka atau di bawah kuasa mereka didapati tidak betul. Semakan Audit mendapati kutipan sewa rumah kedai antara RM100 hingga RM350 sebulan bagi setiap lot kedai di bawah seliaan PDK, PDHT dan PDS seperti di **Jadual 3.10** telah dikutip oleh JKKK serta dimasukkan ke akaunnya dengan persetujuan Pegawai Daerah dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Manakala bagi daerah lain, kutipan sewa rumah kedai dimasukkan ke Akaun Hasil Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar hasil sewa yang telah dipungut kerana rekod mengenai hasil pungutan sewa tidak di selenggara dengan teratur. Keadaan ini berlaku kerana UPEN tidak mengeluarkan garis panduan yang jelas berkaitan pengurusan kutipan hasil sewa dan perakaunan.

Jadual 3.10
Maklumat Rumah Kedai Yang Telah Disewakan

Bil.	Projek Rumah Kedai	Kawasan JKKK	No. Lot Kedai	Tarikh Mula Sewaan	Kadar Sewa Yang Dikutip Oleh JKKK Sebulan (RM)
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Padang Kubu, Kemaman	Kampung Padang Kubu	A1	Tiada Maklumat	200
			B1	Tiada Maklumat	200
			B2	Tiada Maklumat	200
		Kampung Lubuk Lesung	B4	Tiada Maklumat	200
		Kampung Sungai Mas	A3	Tiada Maklumat	200
			B3	Tiada Maklumat	200
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Air Putih, Kemaman	Kampung Air Putih	A1	01.06.2011	150
			A2	01.05.2011	150
			A3	01.02.2011	250
			A4	01.02.2011	250
			B1	01.06.2011	200
			B2	01.05.2011	200
			B3	01.05.2011	200
			B4	01.05.2011	200

Bil.	Projek Rumah Kedai	Kawasan JKKK	No. Lot Kedai	Tarikh Mula Sewaan	Kadar Sewa Yang Dikutip Oleh JKKK Sebulan (RM)
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong,Hulu Terengganu	Kampung Kuala Telemong	A4	18.03.2012	150
			B4	18.03.2012	350
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Menerong, Hulu Terengganu	Kampung Menerong	A1	Tiada Maklumat	150
			A2	Tiada Maklumat	150
			A3	Tiada Maklumat	150
			A4	Tiada Maklumat	150
			B1	Tiada Maklumat	150
			B2	Tiada Maklumat	150
			B4	Tiada Maklumat	150
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Nenas, Setiu	Kampung Bukit Nenas	A1	01.01.2011	100
			A2	Tiada Maklumat	100
			A3	Tiada Maklumat	100
			A4	01.01.2011	100
			B1	Tiada Maklumat	150
			B2	01.01.2011	150
			B3	01.01.2011	150
			B4	Tiada Maklumat	150

Sumber: PDK, PDHT Dan PDS

b. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. **Berdasarkan maklum balas PDK bertarikh 18 Disember 2012, penyerahan sepenuhnya pengurusan rumah kedai kepada JKKK kerana pihak JKKK boleh membuat pemantauan yang kerap terhadap kedai tersebut dari segi kemajuan operasi perniagaan dan kerosakan. Duit kutipan sewa itu akan digunakan untuk penyenggaraan bangunan tersebut apabila berlaku kerosakan memandangkan PDK tiada peruntukan untuk menyenggara bangunan tersebut.**

ii. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 6 Disember 2012, kutipan hasil sewaan tidak diserahkan kepada PDHT kerana surat penyerahan gerai untuk JKKK telah menyatakan bayaran sewaan akan diserahkan kepada tabung JKKK kampung berkenaan sebagaimana Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal PDHT Kali Ke-4 Tahun 2011.**

iii. **Berdasarkan maklum balas PDS bertarikh 10 Disember 2012, pengurusan rumah kedai dan kutipan sewa kepada JKKK telah dipersetujui oleh Pegawai Daerah. Sewa yang dikutip adalah menjadi hasil pendapatan untuk JKKK tersebut.**

3.4.6.2. Rumah Kedai Yang Telah Siap Dibina Belum Disewakan

a. Rumah kedai yang siap dibina akan disewakan kepada orang awam mengikut kadar sewa yang ditetapkan oleh Pegawai Daerah masing-masing. Proses penyewaan kedai bermula dari peringkat pengeluaran iklan, pembelian borang, sesi temu duga, surat tawaran menduduki, surat setuju terima dan perjanjian sewa antara Kerajaan dan penyewa. Semakan Audit mendapati bangunan rumah kedai yang telah siap dibina di bawah seliaan PDHT, PDKT, PDB dan MDB masih belum disewakan antara 10 hingga 20 bulan seperti di **Jadual 3.11**. Di samping itu didapati, tidak ada bukti menunjukkan usaha diambil bagi menangani masalah tersebut dengan segera. Lawatan Audit bersama pegawai terlibat ke lokasi projek mendapati projek rumah kedai dalam keadaan terbiar, dicerobohi dan mengalami kerosakan kesan vandalisme seperti di **Gambar 3.48** hingga **Gambar 3.51**.

Jadual 3.11
Projek Rumah Kedai Yang Belum Disewakan

Bil.	Projek Rumah Kedai	Tarikh Perakuan Siap Kerja	Tempoh Tidak Disewakan* (Bulan)	Catatan
Pejabat Daerah Hulu Terengganu				
1.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Kuala Telemong	Tiada Maklumat **	Tiada Maklumat**	• Bayaran muktamad telah dibuat pada 5 Januari 2011. • 6 pintu rumah kedai belum disewakan. • Rumah kedai terbiar dan dicerobohi contohnya seperti di **Gambar 3.48**.
Pejabat Daerah Kuala Terengganu				
2.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Petai Bubus	31.07.2011	14	• Belum disewakan. • Rumah kedai terbiar, dicerobohi, mengalami kerosakan dan kesan vandalisme contohnya seperti di **Gambar 3.49**.
3.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Maras	30.11.2011	10	• Belum disewakan. • Rumah kedai terbiar, dicerobohi dan mengalami kerosakan.
Pejabat Daerah Besut				
4.	4 Unit 2 Tingkat Di Kampung Bukit Payong	23.03.2011	18	• Pejabat Daerah Besut menyerahkan pengurusan sewa dan penyenggaraan bangunan rumah kedai kepada Majlis Daerah Besut pada 12 Julai 2012.
Majlis Daerah Besut				
5.	4 Unit 2 Tingkat Di Pekan Kuala Besut	02.02.2011	20	• Belum disewakan. • Rumah kedai dicerobohi, mengalami kerosakan dan kesan vandalisme contohnya seperti di **Gambar 3.50** dan **Gambar 3.51**.

Sumber: PDHT, PDKT, PDB Dan MDB
Nota: * - Setakat bulan September 2012
** - Perakuan Siap Kerja yang disediakan tidak mengikut format JKR 203s-Pind. 2/83

Gambar 3.48
Rumah Kedai Telah Dicerobohi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Kuala Telemong, Hulu Terengganu
Tarikh: 13 Ogos 2012

Gambar 3.49
Dinding Diconteng Kesan Vandalisme

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kampung Petai Bubus, Kuala Terengganu
Tarikh: 9 Ogos 2012

Gambar 3.50
Penutup Tangki Septik Hilang Kesan Vandalisme

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Kuala Besut, Besut
Tarikh: 16 Julai 2012

Gambar 3.51
Rumah Kedai Telah Dicerobohi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pekan Kuala Besut, Besut
Tarikh: 16 Julai 2012

b. Maklum balas daripada Auditi terhadap penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. **Berdasarkan maklum balas UPEN bertarikh 16 Januari 2013, UPEN bercadang untuk merangka garis panduan menyeluruh dengan mengadakan bengkel selepas sahaja teguran Audit diselesaikan. Kandungan dalam teguran Audit akan dijadikan asas rujukan dalam merangka garis panduan tersebut. Pada pendapat UPEN, kelemahan yang didapati dalam pengurusan projek dan pengurusan penyewaan rumah kedai adalah kerana kekangan kakitangan teknikal di peringkat Pegawai Penguasa. Kebanyakan Pejabat Daerah hanya ada satu atau 2 orang Juruteknik atau Penolong Jurutera yang bertanggungjawab untuk memantau projek daripada peringkat pra-kontrak hinggalah pasca-kontrak. Pejabat-pejabat Daerah dan Agensi Kerajaan yang diberi tanggungjawab berkaitan kutipan sewa. Bagaimanapun, ianya akan dibincangkan dan ditetapkan semula dalam bengkel yang akan diadakan.**

ii. **Berdasarkan maklum balas PDHT bertarikh 6 Disember 2012 dan 26 Disember 2012, perkara ini telah diserahkan kepada JKKK Kampung Telemong untuk pengisian peserta. Surat untuk penempatan peserta telah dihantar pada 25 Mei 2011 dan nama peserta telah dihantar kepada JKKK pada 12 Jun 2011 untuk kelulusan/tindakan pihak JKKK berkenaan. Sehingga kini, PDHT tidak mendapat sebarang maklumat berkaitan perkara tersebut. Bagaimanapun, segala urusan mengurus dan menyenggara bangunan ini telah diserah milik kepada Majlis Daerah Hulu Terengganu.**

iii. **Berdasarkan maklum balas PDKT bertarikh 3 Januari 2013, bagi rumah kedai di Kampung Maras, pentadbiran ini telah mencadangkan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah untuk menjadikan premis tersebut sebagai Pusat Transformasi Luar Bandar. Pihak PDKT telah pun menyiapkan dokumen sewa dan akan menentukan kepada yang berjaya dalam masa terdekat selepas kerja-kerja membaiki kecacatan dan kerosakan dilaksanakan.**

iv. **Berdasarkan maklum balas PDB bertarikh 16 November 2012, kelewatan penyerahan bangunan kepada MDB kerana kelewatan kontraktor menyiapkan kerja-kerja pembaikan yang diarahkan. Tambahan pula, waran peruntukan untuk pembayaran terakhir lewat diluluskan.**

v. **Berdasarkan maklum balas MDB bertarikh 9 Disember 2012, rumah kedai tersebut masih belum disewakan kerana masih dalam proses temu duga pemilihan penyewa yang layak untuk menyewa premis tersebut.**

Pada pendapat Audit, bangunan kedai yang siap dibina hendaklah disewakan dengan segera dan semua kutipan sewa hendaklah diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan pembinaan rumah kedai Program Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah disyorkan UPEN dan agensi pelaksana mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Agensi pelaksana perlu mengambil tindakan terhadap kontraktor yang lewat menyiapkan projek serta menguatkuasakan bayaran Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) bagi projek yang melepasi tempoh lanjutan masa.

3.5.2. UPEN dan agensi pelaksana perlu mematuhi sepenuhnya peraturan bagi memastikan pengurusan pentadbiran kontrak lebih teratur.

3.5.3. Agensi pelaksana perlu meningkatkan pemantauan bagi memastikan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor mengikut piawaian kualiti yang ditetapkan serta mengelakkan pelaksanaan kerja yang tidak mematuhi pelan dan spesifikasi.

3.5.4. UPEN dan agensi pelaksana perlu memastikan bangunan kedai yang siap dibina hendaklah disewakan dengan segera dan semua kutipan sewa hendaklah diakaunkan sebagai hasil Kerajaan Negeri.

4. PENGURUSAN PENGENDALIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Mahkamah Syariah Negeri Terengganu (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 (Enakmen 12 Tahun 1986) yang sebelum itu dikenali sebagai Mahkamah Qadhi di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (Jabatan) yang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie. Fungsi utama Jabatan ini adalah menerima dan menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah dengan adil dan saksama mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang.

4.1.2. Mahkamah Syariah terbahagi kepada 3 peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Di Negeri Terengganu, terdapat 9 buah mahkamah yang terdiri daripada sebuah Mahkamah Rayuan Syariah, sebuah Mahkamah Tinggi Syariah dan 7 buah Mahkamah Rendah Syariah. Mahkamah Syariah mengendalikan 2 kategori kes iaitu kes Mal (bukan Jenayah) dan kes Jenayah. Kes Mal merangkumi 71 jenis kes seperti permohonan perceraian, tuntutan hadhanah (hak jagaan anak) dan fasakh manakala kes Jenayah merangkumi 89 jenis kes seperti dakwaan khalwat, persetubuhan luar nikah dan akuan palsu untuk berkahwin. Sebanyak 20,893 kes telah didaftarkan dari tahun 2010 hingga September 2012 dan sebanyak 17,872 kes telah selesai.

4.1.3. Mulai tahun 2003, Jabatan telah menggunakan sistem e-Syariah iaitu sebuah projek Kerajaan Elektronik ketujuh di bawah Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Ia merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang mengintegrasikan semua proses terlibat dalam pengendalian kes Mahkamah Syariah bermula daripada pendaftaran kes sehingga penutupan kes. Sistem ini dihubungkan dengan Portal e-Syariah untuk kemudahan orang awam.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Syariah Negeri Terengganu telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengendalian kes bagi tahun 2010 hingga 2012 yang melibatkan Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan 2 Mahkamah Rendah Syariah (MRS) iaitu MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang. Jenis kes yang dipilih sebagai sampel Audit ialah 5 jenis kes Mal iaitu tuntutan nafkah anak, fasakh, pengesahan lafaz cerai, hadhanah dan kebenaran poligami serta 2 jenis kes Jenayah iaitu dakwaan khalwat dan persediaan bersetubuh luar nikah. Pemilihan jenis kes adalah berdasarkan kepada kes-kes yang lazim didaftarkan dan menjadi perhatian umum. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan menganalisis terhadap data dan maklumat yang terkandung dalam sistem e-Syariah, laporan, minit mesyuarat, fail permohonan serta dokumen lain yang berkaitan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang berkaitan juga diadakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati prestasi penyelesaian kes bagi tahun 2010 dan 2011 adalah baik dengan pencapaian antara 70.9% hingga 95.9%. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang dikenal pasti dalam pengurusan pengendalian kes seperti berikut:

- Kes jenayah pegawai awam tidak dilaporkan kepada Ketua Jabatan.
- *Backup* data tidak disimpan di bangunan berasingan.

4.4.1. Prestasi Penyelesaian Kes

Prestasi penyelesaian kes diukur dari sudut peratusan kes yang telah diselesaikan bagi permohonan yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011 serta keupayaan menyelesaikan kes dalam tempoh yang ditetapkan.

4.4.1.1. Prestasi Penyelesaian Kes Yang Didaftarkan Mengikut Tahun

Semakan Audit terhadap penyelesaian kes bagi permohonan yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011 di MTS, MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang yang dipilih daripada sistem e-Syariah adalah seperti berikut:

a. Mahkamah Tinggi Syariah

i. Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian bagi 3 jenis kes di MTS adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Prestasi Penyelesaian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Jenis Kes	Tahun	Jumlah Kes Didaftarkan Dalam Tahun	Jumlah Kes Selesai Sehingga Mei 2012	Peratus Selesai (%)
Nafkah Anak	2010	75	66	88.0
	2011	68	62	91.2
Hadhanah	2010	159	153	96.2
	2011	197	177	89.8
Poligami	2010	209	209	100
	2011	197	197	100
Jumlah		**905**	**864**	**95.5**

Sumber: Sistem e-Syariah

ii. Berdasarkan **Jadual 4.1** di atas, didapati prestasi penyelesaian kes oleh MTS bagi 3 jenis kes iaitu tuntutan nafkah anak, tuntutan hadhanah dan permohonan kebenaran poligami adalah baik di mana daripada 905 kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011, sebanyak 864 (95.5%) kes telah diselesaikan. Selain itu, kes permohonan kebenaran poligami telah selesai sepenuhnya.

b. Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang

i. Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian bagi 5 jenis kes di MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2
Prestasi Penyelesaian Kes Di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Jenis Kes	Tahun	MRS Kuala Terengganu			MRS Marang		
		Jumlah Kes Didaftarkan Dalam Tahun	Jumlah Kes Selesai Sehingga Mei 2012	Peratus Selesai (%)	Jumlah Kes Didaftarkan Dalam Tahun	Jumlah Kes Selesai Sehingga Mei 2012	Peratus Selesai (%)
Kes Mal							
Nafkah Anak	2010	34	33	97.1	15	14	93.3
	2011	52	42	80.8	26	22	84.6
Fasakh	2010	129	124	96.1	23	21	91.3
	2011	151	138	91.4	26	22	84.6
Pengesahan Lafaz Cerai	2010	300	297	99.0	83	83	100
	2011	357	347	97.2	102	101	99.0
Jumlah		**1,023**	**981**	**95.9**	**275**	**263**	**95.6**
Kes Jenayah							
Khalwat	2010	156	128	82.1	66	58	87.9
	2011	188	115	61.2	120	99	82.5
Persediaan Bersetubuh Luar Nikah	2010	4	4	100	9	7	77.8
	2011	23	16	69.6	32	28	87.5
Jumlah		**371**	**263**	**70.9**	**227**	**192**	**84.6**
Jumlah Keseluruhan		**1,394**	**1,244**	**89.2**	**502**	**455**	**90.6**

Sumber: Sistem e-Syariah

ii. Berdasarkan **Jadual 4.2**, secara keseluruhannya prestasi penyelesaian terhadap 5 jenis kes yang dipilih bagi tahun 2010 dan 2011 di MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang adalah baik di mana 1,244 (89.2%) kes daripada 1,394 kes bagi MRS Kuala Terengganu dan 455 (90.6%) kes daripada 502 kes bagi MRS Marang telah selesai. Selain itu, kes dakwaan persediaan bersetubuh luar nikah bagi tahun 2010 di MRS Kuala Terengganu dan permohonan pengesahan lafaz cerai bagi tahun 2010 di MRS Marang telah selesai sepenuhnya. Prestasi penyelesaian bagi kes Jenayah didapati lebih rendah berbanding kes Mal di mana daripada 598 kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011 di MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang, hanya 455 (76.1%) kes telah selesai berbanding kes Mal iaitu daripada 1,298 kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan 2011, sebanyak 1,244 (95.8%) kes telah diselesaikan. Kes Jenayah lazimnya berlarutan apabila orang kena tuduh tidak dapat dikesan.

4.4.1.2. Prestasi Penyelesaian Kes Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan

Mulai tahun 2010, JKSM telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama supaya semua kes syariah hendaklah diselesaikan dalam tempoh 180 hari dari tarikh pendaftaran kes.

a. Semakan Audit terhadap 50 sampel kes di MTS, 60 sampel kes di MRS Kuala Terengganu dan 50 sampel kes di MRS Marang yang diselesaikan bagi tahun 2010 hingga bulan Mei 2012 adalah seperti berikut:

i. Mahkamah Tinggi Syariah

- Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian kes mengikut tempoh yang ditetapkan bagi 50 sampel kes di MTS adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Tempoh Masa Penyelesaian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Jenis Kes	Tahun	Tempoh		Jumlah (Kes)
		1 - 180 Hari (Kes)	Lebih 180 Hari (Kes)	
Nafkah Anak	2010	7	2	9
	2011	6	1	7
Hadhanah	2010	3	3	6
	2011	7	2	9
Poligami	2010	7	3	10
	2011	9	-	9
Jumlah		**39**	**11**	**50**

Sumber: Mahkamah Tinggi Syariah

- **Jadual 4.3** di atas menunjukkan bilangan kes yang telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh MTS adalah memuaskan di mana 39 (78%) kes daripada 50 kes telah diselesaikan dalam tempoh 180 hari yang ditetapkan.

ii. Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang

- Semakan Audit terhadap prestasi penyelesaian kes mengikut tempoh yang ditetapkan bagi 60 sampel kes di MRS Kuala Terengganu dan 50 sampel kes di MRS Marang adalah seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Tempoh Masa Penyelesaian Kes Di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang Bagi Tahun 2010 Dan 2011

Jenis Kes	Tahun	MRS Kuala Terengganu			MRS Marang		
		1 - 180 Hari (Kes)	Lebih 180 Hari (Kes)	Jumlah (Kes)	1 - 180 Hari (Kes)	Lebih 180 Hari (Kes)	Jumlah (Kes)
Kes Mal							
Nafkah Anak	2010	3	1	4	3	1	4
	2011	4	2	6	2	1	3
Fasakh	2010	10	-	10	1	2	3
	2011	5	-	5	3	2	5
Pengesahan Lafaz Cerai	2010	3	-	3	7	-	7
	2011	18	-	18	6	1	7
Jumlah		**43**	**3**	**46**	**22**	**7**	**29**
Kes Jenayah							
Khalwat	2010	3	-	3	7	1	8
	2011	3	-	3	1	-	1
Persediaan Bersetubuh Luar Nikah	2010	1	1	2	3	1	4
	2011	6	-	6	7	1	8
Jumlah		**13**	**1**	**14**	**18**	**3**	**21**
Jumlah Keseluruhan		**56**	**4**	**60**	**40**	**10**	**50**

Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang

- **Jadual 4.4** di atas menunjukkan bilangan kes yang diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan adalah baik di mana 56 (93.3%) kes daripada 60 kes bagi MRS Kuala Terengganu dan 40 (80%) kes daripada 50 kes bagi MRS Marang telah diselesaikan dalam tempoh 180 hari yang ditetapkan.

iii. Semakan lanjut Audit terhadap 33 sampel kes nafkah anak yang telah selesai perbicaraan mendapati berlaku sebanyak 6 kes di mana suami telah mengingkari perintah mahkamah. Kesemua 6 kes tersebut telah dibawa ke Bahagian Sokongan Keluarga untuk sesi runding cara. Pihak Audit mendapati kesemua kes tersebut telah gagal di peringkat runding cara dan seterusnya dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan bagi permohonan penguatkuasaan perintah nafkah. Daripada 6 kes tersebut, sebanyak 2 kes telah selesai perbicaraan manakala 4 kes masih lagi dalam prosiding mahkamah.

b. Selain itu, semakan Audit terhadap 40 fail kes belum selesai mendapati kelewatan penyelesaian sesuatu kes adalah disebabkan hakim mesyuarat/kursus/cuti, pendakwa/peguam minta tangguh, orang kena tuduh/plaintif/defendan tidak

hadir/minta tangguh, saman tidak dapat disempurnakan dan waran tangkap tidak dapat dilaksanakan.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian kes adalah baik kerana peratus penyelesaian kes dalam tahun dan dalam tempoh yang ditetapkan adalah di antara 70.9% hingga 95.9%.

4.4.2. Kes Jenayah Pegawai Awam Tidak Dilaporkan Kepada Ketua Jabatan

4.4.2.1. Mengikut Peraturan 28 (2) (a) dan (b), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, apabila prosiding dimulakan terhadap seseorang pegawai awam yang disabitkan atas kesalahan jenayah, Pendaftar Mahkamah hendaklah menghantar kepada Ketua Jabatan di mana pegawai itu sedang berkhidmat mengenai perkara berikut:

a. Pada permulaan prosiding itu, suatu laporan yang mengandungi maklumat berikut:

i. Pertuduhan terhadap pegawai itu.

ii. Jika pegawai itu telah ditangkap, tarikh dan waktu penangkapannya.

iii. Sama ada atau tidak pegawai itu diikat jamin.

iv. Maklumat yang berkaitan.

b. Di akhir prosiding, keputusan mahkamah dan sebarang maklumat yang berhubungan dengan apa-apa rayuan, jika ada, yang telah difailkan oleh mana-mana pihak.

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap 50 fail kes Jenayah daripada 200 fail sampel Audit mendapati 9 kes melibatkan pegawai awam dan Pendaftar Mahkamah tidak melaporkan kes jenayah tersebut kepada Ketua Jabatan sama ada laporan permulaan dan akhir prosiding yang menyebabkan Ketua Jabatan tidak dapat mengambil sebarang tindakan ke atas pegawai awam terbabit. **Mengikut maklum balas bertarikh 2 Disember 2012, Jabatan telah mengeluarkan surat arahan kepada semua pegawai terlibat supaya mengambil tindakan sebagaimana yang termaktub di dalam Peraturan 28 (2) (a) dan (b), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.**

Pada pendapat Audit, Pendaftar Mahkamah hendaklah mematuhi Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

4.4.3. *Backup* Data Tidak Disimpan Di Bangunan Berasingan

4.4.3.1. Mengikut Dasar Keselamatan ICT (*Information Communication Technology*), *backup* data hendaklah dibuat secara berkala dan disimpan di bangunan lain bagi memastikan keselamatan data sekiranya berlaku bencana seperti kebakaran dan bencana alam. Jabatan didapati membuat *backup* data e-Syariah secara automatik yang dibuat secara harian, mingguan dan bulanan dengan menggunakan *tape*. Pemeriksaan Audit mendapati *tape* berkenaan disimpan di dalam peti besi yang terletak di bilik kebal di tingkat dan bangunan yang sama dengan bilik *server* seperti di **Gambar 4.1**. Ketidakpatuhan arahan ini boleh menyebabkan kesulitan sekiranya berlaku sesuatu bencana di Jabatan.

Gambar 4.1
***Tape* Disimpan Di Dalam Peti Besi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkamah Rendah Syariah
Kuala Terengganu
Tarikh: 17 Oktober 2012

4.4.3.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 2 Disember 2012, *backup* data bagi sistem e-Syariah telah dibuat setiap hari secara berkala dan disimpan di Pusat Data Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Selain itu, Jabatan turut membuat *backup* dan disimpan di MRS Marang.

Pada pendapat Audit, Jabatan hendaklah mematuhi Dasar Keselamatan ICT bagi menjamin keselamatan data sekiranya berlaku sesuatu bencana.

4.4.4. Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Yang Disediakan

4.4.4.1. Jabatan ada menyediakan borang kepuasan pelanggan yang diletakkan di kaunter pendaftaran untuk menilai mutu perkhidmatan yang diberikan. Antara perkara yang dinilai ialah aspek kemudahan yang disediakan, layanan pegawai dan perkhidmatan Jabatan secara menyeluruh. Antara kemudahan yang disediakan di Jabatan ialah sistem nombor giliran di kaunter pendaftaran seperti di **Gambar 4.2** dan **Gambar 4.3**, paparan skrin jadual perbicaraan dan ruang menunggu di luar kamar perbicaraan.

Gambar 4.2
Ruang Menunggu
Di Kaunter Pendaftaran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu
Tarikh: 17 Oktober 2012

Gambar 4.3
Mesin Nombor Giliran

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu
Tarikh: 17 Oktober 2012

4.4.4.2. Hasil analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dari segi kemudahan yang disediakan, layanan pegawai dan perkhidmatan secara menyeluruh di kedua-dua MRS adalah baik. Bagi tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 19 borang telah diisi oleh pelanggan di MRS Kuala Terengganu dan MRS Marang. Berdasarkan **Carta 4.1**, didapati perkara seperti berikut:

Carta 4.1
Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Yang Disediakan Di MRS Kuala Terengganu Dan MRS Marang



Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu Dan Marang

a. Bagi kemudahan yang disediakan - Seramai 4 orang memberikan aras yang sangat baik, 6 orang menyatakan baik, 3 orang menyatakan memuaskan dan 6 orang menyatakan kurang memuaskan.

b. Mengenai layanan pegawai - Seramai 10 orang memberikan aras yang sangat baik, 4 orang menyatakan baik manakala 5 orang menyatakan kurang memuaskan.

c. Bagi perkhidmatan secara menyeluruh - Seramai 9 orang memberikan aras yang sangat baik, seorang menyatakan baik, 3 orang menyatakan memuaskan dan 6 orang menyatakan kurang memuaskan.

Pada pendapat Audit, tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan Jabatan adalah baik.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu adalah disyorkan mengambil langkah berikut:

4.5.1. Melaporkan kes jenayah di kalangan pegawai awam kepada Ketua Jabatan.

4.5.2. *Backup* data hendaklah disimpan di bangunan lain selaras dengan Dasar Keselamatan ICT.

5. PERMINT MINERALS SDN. BHD.

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Permint Minerals Sdn. Bhd. (PMSB) ditubuhkan pada 24 Julai 1991. PMSB merupakan anak syarikat milik penuh kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT). PMSB memiliki modal dibenarkan berjumlah RM13.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM2.5 juta. PMSB menjalankan aktiviti perlombongan dan pengurusan projek berkaitan dengan perlombongan.

5.1.2. PMSB mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu Permint Granite Sdn. Bhd. dengan pegangan saham 100% (RM1 juta) dan 2 syarikat bersekutu iaitu Permint Granite-HCM Sdn. Bhd. dengan pegangan ekuiti sebanyak 30% saham (RM224,997) dan Permint Promine Wolfram Sdn. Bhd. sebanyak 21.5% saham (RM322,253). Ketiga-tiga syarikat berkenaan diperbadankan di Malaysia.

5.1.3. Lembaga Pengarah PMSB dianggotai oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) sebagai pengerusi dan Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Tugas-tugas Khas) sebagai ahli. Pengurusan harian Syarikat diketuai oleh 2 orang pengurus iaitu seorang Pengurus Bahagian Pentadbiran dan Kewangan dan seorang pengurus Bahagian Operasi. Mereka merupakan Pengurus Kanan Korporat dan Pegawai Kajibumi PMINT yang dilantik bagi mentadbir PMSB dengan dibayar elaun bulanan dan dibantu oleh seramai 18 kakitangan berstatus kontrak.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan PMSB adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat PMSB bagi tahun 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan dengan aktiviti PMSB. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2009 hingga 2011. Selain itu, temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai PMSB yang berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan Audit telah dijalankan ke tapak

perlombongan emas lanar di Sungai Tarom, Mukim Hulu Setiu, Setiu dan perlombongan bijih besi di Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan PMSB adalah memuaskan kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul pada tahun 2011 sejumlah RM0.27 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM1.08 juta dan RM1.63 juta masing-masing pada tahun 2010 dan 2009. Keuntungan bersih selepas cukai bagi tahun 2011 telah meningkat berbanding tahun 2010. Namun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Syarat bayaran *tribute* kepada PMINT tidak dinyatakan dalam kontrak.
- Prestasi pengeluaran minimum tidak dicapai.
- Operasi perlombongan masih dilaksanakan walaupun tawaran telah ditangguhkan.
- *Standard Operating Procedures* tidak disediakan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

5.4.1.1. Analisis Trend

a. *Tribute* merupakan pendapatan utama PMSB. Pada tahun 2011, pendapatan tribute telah menurun sebanyak RM0.03 juta berbanding tahun 2010. Bagaimanapun, pendapatan keseluruhan PMSB telah meningkat sejumlah RM0.87 juta menjadi RM1.74 juta pada tahun 2011 berbanding RM0.87 juta pada tahun 2010. Peningkatan ini terutamanya disebabkan PMSB memperoleh dividen daripada syarikat bersekutu berjumlah RM1.35 juta pada tahun 2011 iaitu meningkat sebanyak RM0.90 juta (66.7%) berbanding tahun 2010. Perbelanjaan PMSB pula meningkat setiap tahun bagi tempoh 2009 hingga 2011 dari RM0.16 juta pada tahun 2009 menjadi RM0.39 juta pada tahun 2011. Peningkatan jumlah perbelanjaan melibatkan bayaran *tribute* kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu dan PMINT. PMSB hendaklah berusaha supaya keuntungan syarikat diperoleh daripada pendapatan operasinya sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada pendapatan dividen syarikat bersekutu.

b. Pada tahun 2011 dan 2010, PMSB memperoleh keuntungan sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.35 juta dan RM0.57 juta berbanding kerugian berjumlah RM4,097 pada tahun 2009. Kesan daripada keuntungan yang dicatatkan oleh PMSB untuk tempoh 2 tahun tersebut menjadikan PMSB memperoleh keuntungan

terkumpul pada tahun 2011 berjumlah RM0.27 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM1.08 juta pada tahun 2010 dan RM1.63 juta pada tahun 2009.

c. Analisis Audit mendapati jumlah aset meningkat setiap tahun bagi tempoh 2009 hingga 2011 dari RM1.15 juta pada tahun 2009 menjadi RM2.96 juta pada tahun 2011. Manakala liabiliti tahun 2011 mencatatkan penurunan sejumlah RM0.12 juta menjadi RM0.19 juta berbanding RM0.31 juta pada tahun sebelumnya. Kedudukan aset yang melebihi liabiliti menunjukkan PMSB mempunyai lebihan ekuiti pemegang saham berjumlah RM0.87 juta (2009), RM1.42 juta (2010) dan RM2.77 juta (2011).

d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 5.1**, **Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan PMSB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan Aktiviti	142,848	399,450	371,086
Kos Jualan	20,947	160,718	215,879
Untung Kasar	**121,901**	**238,732**	**155,207**
Pendapatan Lain	8,686	468,921	1,371,188
Belanja Am/Pentadbiran Operasi	133,850	137,255	173,783
Untung/(Rugi) Operasi	**-3,263**	**570,398**	**1,352,612**
Kos Kewangan	834	1,513	1,500
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**-4,097**	**568,885**	**1,351,112**
Cukai	1,666	15,673	1,313
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	**-5,763**	**553,212**	**1,349,799**
Keuntungan/Kerugian Terkumpul	**-1,634,219**	**-1,081,007**	**268,792**

Sumber: Penyata Kewangan PMSB

Carta 5.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PMSB

Carta 5.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan PMSB

e. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB telah berusaha untuk menjana pendapatan daripada operasinya sendiri dengan mengambil tindakan memohon pajakan melombong (ML) daripada Pihak Berkuasa Negeri dan berjaya memperoleh satu pajakan melombong ML 5/2010 Lot 4584, Padang Air, Mukim Bandi, Kemaman pada 5 April 2010. Di samping itu, PMSB telah mendapat kerjasama PMINT untuk melantik PMSB sebagai agen pengurusan bagi aktiviti-aktiviti perlombongan baru PMINT pada masa akan datang seperti pembangunan/perlombongan semula emas Lubuk Mandi, Rusila, Marang dan sebagainya.**

5.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan PMSB, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan PMSB bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	3.23:1	4.79:1	13.59:1
Margin Untung Bersih	-2.7%	65.5%	77.5%
Pulangan Ke Atas Aset	-0.01:1	0.32:1	0.46:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.01:1	0.39:1	0.49:1

Sumber: Penyata Kewangan PMSB

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa PMSB bagi tahun 2011 pada kadar 13.59:1 telah meningkat berbanding tahun 2010 (4.79:1) dan 2009 (3.23:1). Ini menunjukkan kemampuan aset semasa PMSB ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek adalah memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih PMSB meningkat dari tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2011, PMSB

mencatatkan margin untung bersih pada kadar 0.77 sen (77.5%) bagi setiap ringgit hasil daripada aktiviti utamanya berbanding tahun 2010 (65.5%) dan 2009 (-2.7%).

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan PMSB menguruskan asetnya pada tahun 2011 meningkat berbanding tahun 2010 dan 2009.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan pengurusan modal PMSB telah meningkat dari tahun 2009 hingga 2011 iaitu pada kadar -0.01:1 pada tahun 2009 kepada 0.39:1 pada tahun 2010 dan menjadi 0.49:1 pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan PMSB adalah memuaskan kerana telah memperoleh keuntungan terkumpul dan keuntungan bersih selepas cukai pada tahun 2011. Namun begitu, PMSB hendaklah berusaha supaya keuntungan syarikat diperoleh daripada pendapatan operasinya sendiri, bukannya daripada pendapatan dividen syarikat bersekutu.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

PMSB berperanan sebagai syarikat pengurusan kepada PMINT bagi menguruskan operasi perlombongan sumber mineral termasuklah menjalankan kajian eksplorasi dalam mengenal pasti potensi bijih yang mempunyai nilai komersial di seluruh Negeri Terengganu. Projek perlombongan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh PMSB adalah perlombongan emas lanar di Sungai Tarom, Mukim Hulu Setiu, Setiu dan perlombongan bijih besi di Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman. Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan aktiviti PMSB mendapati perkara seperti berikut:

5.4.2.1. Perlombongan Emas Lanar Di Sungai Tarom, Mukim Hulu Setiu, Setiu

Operasi perlombongan emas lanar di Sungai Tarom, Mukim Hulu Setiu, Setiu telah dimulakan pada bulan September 2004 menggunakan kaedah palong. Pada bulan Ogos 2007, Lembaga Pengarah PMSB bersetuju menghentikan operasi perlombongan emas lanar menggunakan kaedah palong kerana kenaikan kos operasi manakala nilai gred

emas semakin menurun. Sebagai alternatif, operasi melombong menggunakan kaedah *mobile palong* diperkenalkan pada bulan September 2007. Bagaimanapun, operasi melombong menggunakan kaedah *mobile palong* dihentikan pada bulan April 2008 kerana gagal mencapai sasaran minimum PMSB. Seterusnya, PMSB melalui surat bertarikh 15 Mei 2008 telah bersetuju melantik NRZ Berkat Enterprise (NRZBE) sebagai kontraktor melombong saki-baki emas lanar dalam kawasan tersebut untuk tempoh setahun bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani iaitu dari 10 Ogos 2008 hingga 9 Ogos 2009 dan dilanjutkan sehingga 14 Mac 2012. Semakan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a. Syarat Bayaran *Tribute* Kepada PMINT Tidak Dinyatakan Dalam Kontrak

Mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 10 Ogos 2008 oleh ketiga-tiga pihak, PMSB telah dilantik sebagai agen pengurusan bagi pihak PMINT untuk berurusan dengan NRZBE dan menjalankan pemantauan berkaitan dengan kerja-kerja perlombongan. Sebarang bayaran yang perlu dibuat oleh NRZBE kepada PMINT sebagaimana yang diperuntukkan dalam perjanjian hendaklah dibuat kepada PMSB. Semakan Audit mendapati PMSB telah menjelaskan sejumlah RM266,377 bayaran *tribute* kepada PMINT bagi tempoh Disember 2009 hingga Februari 2012. Bagaimanapun, syarat dan jumlah *tribute* yang perlu dibayar oleh PMSB kepada PMINT tidak dinyatakan dalam kontrak perjanjian tersebut. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, kawasan tersebut adalah merupakan kawasan saki baki daripada kawasan yang telah dikerjakan pada tahun 2004 hingga 2007 dan tidak lagi ekonomik kepada PMSB. Justeru itu, kawasan ini telah ditawarkan kepada NRZBE dengan tiada pengiraan anggaran rizab emas, malah kaedah pengiraan dalam menentukan rizab emas sesuatu kawasan adalah begitu teknikal, berkos agak tinggi dan mengambil masa. PMSB akan memastikan syarat bayaran *tribute* dimasukkan dalam perjanjian kontrak. PMINT sendiri telah menetapkan satu kadar bayaran *tribute* di samping pembayaran *upfront* ke atas semua projek perlombongan yang baru seperti perlombongan/pembangunan semula emas Lubuk Mandi, Marang dan perlombongan Sungai Kerak, Marang.**

b. Prestasi Pengeluaran Minimum Tidak Dicapai

i. Perjanjian kontrak antara PMINT, PMSB dan NRZBE menghendaki NRZBE membuat pengeluaran minimum sebanyak 500 gram sebulan dari kawasan melombong. Pihak PMINT boleh mengambil tindakan penamatan ke atas NRZBE sekiranya pengeluaran bulanan selama 2 bulan berturut-turut kurang daripada 500 gram. Semakan Audit mendapati syarat perjanjian ini tidak dikuatkuasakan walaupun pengeluaran kurang daripada 500 gram sebulan seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Pengeluaran Emas Kurang Daripada 500 Gram Sebulan Bagi Tahun 2008 Hingga 2012

Tahun	Bulan	Jumlah Pengeluaran (Gram)
2008	Ogos	88.50
	September	88.10
	Oktober	Tiada Pengeluaran
	November	213.90
	Disember	Tiada Pengeluaran
2009	Januari	233.20
	Februari	409.74
	Mac	379.80
2010	April	303.70
2011	Oktober	422.00
2012	Januari	337.70
	Februari	71.10

Sumber: Rekod PMSB

ii. PMSB dalam maklum balasnya bertarikh 17 Januari 2013 menyatakan:

- **Perlombongan semula emas lanar di Sungai Tarom, Mukim Hulu Setiu, Setiu adalah merupakan kawasan telah kerja dengan tiada kedapatan data anggaran rizab emas dalam menentukan *viability* projek tersebut. Justeru itu, kontrak kerja yang dimeterai antara PMINT, PMSB dan NRZBE lebih merupakan untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dengan masing-masing mendapat faedah dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negeri.**

- **Syarat pengeluaran minimum dalam kontrak merupakan satu tindakan pencegahan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja dengan lebih bersungguh-sungguh dan penuh komitmen dengan amaran kontrak boleh ditamatkan sekiranya pengeluaran minimum tidak dicapai tanpa alasan yang munasabah. Bagaimanapun, PMSB berpuas hati dengan prestasi pengeluaran dan kegagalan mencapai pengeluaran minima adalah disebabkan faktor-faktor yang boleh diterima dan munasabah. Pengeluaran bagi bulan Ogos hingga Disember 2008 adalah merupakan peringkat awal kontraktor beroperasi di mana selain musim tengkujuh pada akhir tahun, berbagai-bagai masalah dihadapi dari segi bekalan bijih dan peralatan palong.**

5.4.2.2. Perlombongan Bijih Besi Di Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman

Hasil semakan dan lawatan Audit terhadap aktiviti perlombongan bijih besi di Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman mendapati beberapa perkara seperti berikut:

a. Perjanjian Kontrak Bagi Perlombongan Bijih Besi Tidak Dikemukakan

Golden Minerals Sdn. Bhd. (GMSB) telah dilantik sebagai kontraktor melombong bijih besi di kawasan ML 5/2010 Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah PMSB pada 29 April 2008. Manakala Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 29 April 2009 telah meluluskan draf perjanjian kontrak kerja antara PMSB dan GMSB dan memberi kuasa kepada Pengerusi untuk menandatangani perjanjian. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengenal pasti sama ada kontrak ini benar-benar wujud kerana salinan perjanjian dan dokumen berkaitan seperti surat tawaran dan tarikh mula melombong tidak dapat diserahkan untuk semakan Audit walaupun telah dimohon secara rasmi. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB tidak dapat mengemukakan perjanjian kontrak dengan GMSB kerana Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 26 Oktober 2009 telah membuat keputusan menangguhkan tawaran kontrak melombong tersebut. Ini diperkuatkan lagi dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 19 November 2012 yang bersetuju menyerah balik pajakan melombong ML 5/2010 kepada Pihak Berkuasa Negeri.**

b. Operasi Perlombongan Masih Dilaksanakan Walaupun Tawaran Telah Ditangguhkan

i. Tawaran kontrak melombong bijih besi kepada GMSB telah ditangguhkan oleh Lembaga Pengarah PMSB melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 26 Oktober 2009. Pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan arahan bertulis telah dikeluarkan kepada GMSB bagi penangguhan tawaran. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 20 Jun 2011 pula, PMSB telah membuat lawatan ke tapak melombong dan mengarahkan GMSB menghentikan operasi pembersihan tapak perlombongan. Bagaimanapun, GMSB telah menjalankan kerja-kerja infra dengan membina jalan pada bulan Julai 2011 dan memulakan operasi perlombongan pada bulan April 2012. Lawatan Audit ke tapak projek pada 20 Jun 2012 mendapati operasi perlombongan masih dijalankan seperti di **Gambar 5.1** hingga **Gambar 5.4**. Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah 880.16 tan metrik bijih besi telah dikeluarkan dan dijual oleh GMSB bagi tempoh 1 April 2012 hingga 30 April 2012.

Gambar 5.1
Kerja-kerja Mengorek Tanah Untuk Mengenal Pasti Lokasi Bijih Besi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Air Putih, Mukim Bandi Kemaman
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 5.2
Jentera Yang Digunakan Untuk Memecahkan Bongkah Batu

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 5.3
Jentera Yang Digunakan Untuk Memproses Bijih Besi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 5.4
***Stock Pile* Bijih Besi**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Air Putih, Mukim Bandi, Kemaman
Tarikh: 20 Jun 2012

ii. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB telah mengemukakan surat kepada GMSB meminta menangguhkan operasi selaras dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah dan sehingga lawatan pengurusan PMSB ke tapak pada 23 Mac 2012, tiada sebarang pengeluaran dijalankan oleh GMSB. Bagaimanapun, GMSB mempunyai tafsiran berbeza dengan PMSB dan berpendirian mereka mempunyai hak untuk meneruskan operasi berdasarkan siri keputusan Lembaga Pengarah sejak tahun 2007 lagi. Mesyuarat Lembaga Pengarah PMSB Kali Ke 51 – 1/2012 pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan untuk tidak menyambung Sijil Kebenaran Melombong dan mesyuarat khas pada 19 November 2012 telah memutuskan untuk menyerah balik pajakan melombong ML 5/2010 kepada Pihak Berkuasa Negeri. GMSB kini telah membawa keluar semua peralatan dan tidak lagi beroperasi**

Pada pendapat Audit, PMSB perlu memastikan kontrak perjanjian perlombongan adalah lengkap dan syarat kontrak dikuatkuasakan.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat merangkumi kawalan pengurusan syarikat, sistem dan prosedur. Peraturan dan panduan berkaitan pelantikan, kuasa, peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Akta Syarikat 1965 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada tahun 2000 oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Beberapa kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

5.4.3.1. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa setiap syarikat perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Rancangan tersebut perlu dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 17 November 2008, pengerusi telah mengesyorkan supaya pihak pengurusan merangka pelan hala tuju PMSB untuk dibentangkan dalam mesyuarat seterusnya. Bagaimanapun sehingga ke tarikh pengauditan, pelan hala tuju tersebut masih belum disediakan. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB mempunyai rancangan korporat dalam memastikan syarikat terus sihat dan maju. Beberapa tindakan strategik antaranya adalah seperti membuat pelaburan dengan menubuhkan sebuah syarikat usaha sama dengan HCM iaitu Permint Granite HSM pada tahun 2009 dan PMSB memegang ekuiti sebanyak 30% dan syarikat tersebut mencatat keuntungan yang memberangsangkan, memohon pajakan melombong (ML) di bawah PMSB yang mampu menjana pendapatan sendiri serta mempunyai objektif mencatat keuntungan dan membayar dividen kepada pemegang saham (PMINT).**

5.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menggariskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap 3 bulan iaitu 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2009 hingga 2012, kekerapan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mencukupi sebanyak 4 kali setahun seperti di **Jadual 5.4**. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB akur dan berusaha untuk mengadakan mesyuarat 4 kali setahun.**

Jadual 5.4
Kekerapan Mesyuarat Lembaga Pengarah
Permint Minerals Sdn. Bhd.

Tahun	Kekerapan	Tarikh Mesyuarat
2009	2	29.04.2009 26.10.2009
2010	1	15.06.2010
2011	1	20.06.2011
2012	3	24.03.2012 15.08.2012 19.11.2012

Sumber: Setiausaha Syarikat PMSB

5.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Semakan Audit mendapati PMSB belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam seperti mana kehendak Pekeliling. Bagi tahun 2009 hingga 2012 tidak ada sebarang pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam PMINT. Memandangkan PMINT adalah Syarikat Induk kepada PMSB, adalah dicadangkan PMSB mendapatkan khidmat audit dalam daripada PMINT. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 17 Januari 2013, PMSB bersetuju untuk mendapatkan khidmat audit dalam daripada PMINT.**

5.4.3.4. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menggariskan bahawa dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi suatu tahun kewangan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, Mesyuarat Agung PMSB bertarikh 20 Jun 2011 telah mengisytiharkan dividen sebanyak 10%. Bagaimanapun, pengisytiharan tersebut tidak dinyatakan dalam penyata kewangan beraudit dan tidak dibayar. Manakala bagi tahun kewangan 2011 Mesyuarat Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk meluluskan bayaran dividen sebanyak 10% dan pembayaran akan diambil kira dalam ekuiti pemegang syer sebagai pengasingan keuntungan terkumpul dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012. Pengisytiharan dividen PMSB seperti di **Jadual 5.5**. **Berdasarkan maklum balas PMSB bertarikh 14 Januari 2013, dividen tidak dibayar pada tahun 2010 kerana syarikat mengalami kerugian terkumpul pada tahun tersebut. Pembayaran dividen hanya boleh dilakukan sekiranya syarikat mendapat keuntungan terkumpul sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 365, Akta Syarikat 1965.**

Jadual 5.5
Pengisytiharan Dividen PMSB Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	-5,763	553,212	1,349,799
Untung/(Rugi) Terkumpul	-1,634,219	-1,081,007	268,792
Dividen Diisytiharkan	-	**10%**	**10%**

Sumber: Rekod PMSB

5.4.3.5. *Standard Operating Procedures*

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati PMSB tidak mempunyai *Standard Operating Procedures* dan peraturan khusus bagi mengurus dan mengawal urusan kewangan dan aset syarikat menyebabkan perkara seperti berikut:

a. Terimaan dan perbelanjaan tidak dikemaskinikan dalam buku tunai dengan segera. Setakat tarikh pengauditan pada bulan Julai 2012, transaksi terakhir yang di rekod ialah pada 30 April 2012 walaupun urus niaga berlaku pada setiap bulan.

b. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pegawai yang bertanggungjawab menyedia dan meluluskan baucar bayaran kerana hanya ditandatangani tanpa dinyatakan nama dan jawatan dengan lengkap.

c. Sebuah kenderaan Toyata Hilux milik PMSB yang diperoleh pada tahun 2011 tidak di tanda pengenalan syarikat.

Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Januari 2013, PMSB akan memohon pemeriksaan audit dalam daripada PMINT bagi meningkatkan tadbir urus syarikat, mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa serta mengadakan garis panduan dalam mengurus dan mengawal urusan kewangan serta aset syarikat. PMSB telah pun mengambil tindakan pembetulan dalam usaha untuk mengurus dan mengawal kewangan syarikat dengan cekap dan teratur.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat PMSB adalah kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan dengan memastikan pemeriksaan audit dalaman dijalankan oleh Syarikat Induk, mengadakan *Standard Operating Procedures* dan mematuhi segala peraturan serta pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi pengurusan dan aktiviti perniagaan, Permint Minerals Sdn. Bhd. adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. Memastikan rancangan korporat syarikat disediakan agar operasi utama syarikat berjalan dengan lancar dan menjadi penyumbang utama kepada kewangan syarikat secara berterusan.

5.5.2. Memastikan kontrak perjanjian perlombongan adalah lengkap dan syarat kontrak dikuatkuasakan.

5.5.3. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

5.5.4. Menyediakan *Standard Operating Procedures* sebagai panduan dalam menjalankan urusan kewangan dan aset.

6. PERMODALAN YPK SDN. BHD.

6.1 LATAR BELAKANG

6.1.1. Permodalan YPK Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat milik penuh Yayasan Pembangunan Keluarga Negeri Terengganu (YPK) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 6 Februari 1996. Syarikat mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM0.50 juta dan modal berbayar berjumlah RM0.50 juta. Objektif Syarikat adalah menghasilkan produk pakaian yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dan menjadi syarikat Bumiputera yang berdaya saing dan maju dalam pasaran.

6.1.2. Pada awal penubuhannya, aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan perniagaan di dalam bidang peruncitan barangan pengguna. Perniagaan tersebut telah menghadapi masalah dan mengalami kerugian menyebabkan Syarikat memberhentikan operasinya pada tahun 2000. Bagaimanapun pada tahun 2009, Syarikat menggiatkan kembali operasi Syarikat dengan menjadikan bidang pengeluaran pakaian sebagai aktiviti utamanya. Syarikat juga terlibat dalam mengendalikan program kursus dan latihan kemahiran jahitan yang diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Selain itu, Syarikat telah menjalinkan usaha sama dengan sebuah koperasi di Negeri Terengganu dalam bidang percetakan iklan.

6.1.3. Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada 5 orang ahli iaitu 3 orang Penolong Pengarah YPK, Ketua Penolong Pengarah YPK dan Pengurus Syarikat. Pengurusan harian Syarikat diterajui oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh seramai 24 kakitangan.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan secara teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2009 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan. Analisis prestasi kewangan bagi tempoh 3 tahun dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit dari tahun 2009 hingga 2011. Di samping itu, temu bual dengan pegawai berkenaan dan lawatan tapak juga turut dilakukan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2012 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan kerana Syarikat mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dan 2010 berbanding keuntungan pada tahun 2009. Di samping itu, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat seperti berikut:

- Prestasi pendapatan dan keuntungan pengeluaran pakaian kurang memuaskan.
- Penyenggaraan dan pembaikan mesin cetak tidak dilakukan.
- Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan.
- *Standard Operating Procedures* tidak disediakan.

6.4.1. Prestasi Kewangan

6.4.1.1. Analisis Trend

a. Pada tahun kewangan 2011 dan 2010, Syarikat telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM50,858 dan RM353,247 berbanding keuntungan berjumlah RM56,215 pada tahun 2009. Walaupun berlaku penurunan kerugian bersih selepas cukai berjumlah RM302,389 pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 tetapi kerugian terkumpul Syarikat telah meningkat kepada RM1.78 juta pada tahun 2011 berbanding RM1.73 juta pada tahun 2010.

b. Pendapatan utama Syarikat adalah daripada aktiviti pengeluaran pakaian dan aktiviti kursus dan latihan. Pada tahun 2011, pendapatan Syarikat mengalami penurunan sejumlah RM56,756 (9.5%) menjadi RM539,939 berbanding RM596,695 pada tahun 2010. Penurunan ini didorong oleh penurunan hasil jualan pakaian dan hasil dari kursus dan latihan jahitan masing-masing berjumlah RM44,146 (7.7%) dan RM12,610 (57.8%).

c. Kos operasi Syarikat telah menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sejumlah RM3,760 (1.5%) daripada RM252,852 pada tahun 2010 menjadi RM256,612 pada tahun 2011. Manakala perbelanjaan pentadbiran pada tahun 2011 menunjukkan penurunan sejumlah RM367,320 (51.9%) menjadi RM340,691 berbanding RM708,011 pada tahun 2010. Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan ini adalah pengurangan dalam kos pekerja meliputi bayaran bonus, elaun pelatih, gaji dan elaun serta KWSP dan PERKESO yang berjumlah RM320,326 atau 87.2% daripada jumlah penurunan dalam perbelanjaan pentadbiran Syarikat.

d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 6.1**, **Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.

Jadual 6.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi Syarikat
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	299,646	596,695	539,939
Kos Operasi	162,546	252,852	256,612
Untung Kasar	**137,100**	**343,843**	**283,327**
Pendapatan Lain	-	10,923	6,917
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	80,745	708,011	340,691
Untung/(Rugi) Operasi	**56,355**	**-353,245**	**-50,447**
Kos Kewangan	140	2	411
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**56,215**	**-353,247**	**-50,858**
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	**56,215**	**-353,247**	**-50,858**
Pelarasan	2,475	71,207	-
Kerugian Terkumpul	**-1,443,623**	**-1,725,663**	**-1,776,521**

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 6.1
Trend Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Dan Keuntungan/Kerugian Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 6.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, beberapa nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.4:1	0.2:1	0.17:1
Margin Untung Bersih	18.8%	-59.2%	-9.4%
Pulangan Ke Atas Aset	0.08:1	-0.87:1	-0.14:1
Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.06:1	-0.29:1	-0.04:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek. Nisbah ini dikira dengan membandingkan aset semasa dengan liabiliti semasa. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dianggap memuaskan dan semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Nisbah semasa Syarikat bagi tahun 2011 adalah pada kadar 0.17:1 iaitu menurun berbanding tahun 2010 (0.2:1) dan 2009 (0.4:1). Ini bermakna aset semasa yang dimiliki Syarikat hanya boleh menampung antara 0.17 hingga 0.4 kali ganda liabiliti semasanya. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa Syarikat ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek adalah tidak memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih digunakan bagi mengukur peratusan keuntungan yang diperoleh daripada setiap ringgit yang dipungut daripada aktiviti utama syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin untung bersih Syarikat pada tahun 2011 (-9.4%) meningkat berbanding pada tahun 2010 (-59.2%) tetapi menurun berbanding tahun 2009 (18.8%). Ini menunjukkan bahawa bagi setiap ringgit pendapatan, Syarikat telah memperoleh keuntungan pada kadar 0.19 sen (18.8%) pada tahun 2009. Bagaimanapun, Syarikat mengalami kerugian bersih 0.59 sen (59.2%) dan 0.09 sen (9.4%) masing-masing pada tahun 2010 dan 2011.

c. Pulangan Ke Atas Aset

Pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan aset yang diperoleh daripada setiap aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati tahap kecekapan Syarikat menguruskan asetnya menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

d. Pulangan Ke Atas Ekuiti

Pulangan ke atas ekuiti adalah bagi mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, tahap kecekapan Syarikat menguruskan modalnya menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan di mana Syarikat telah mencatatkan kerugian pada tahun 2011 dan 2010 berbanding keuntungan pada tahun 2009.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan perusahaan di dalam bidang pengeluaran pakaian iaitu perkhidmatan menjahit pakaian dan menerima tempahan membuat pakaian siap seperti baju korporat, kemeja T, mencetak baju dan aksesori berasaskan kain. Syarikat juga telah membuka sebuah outlet jualan di bangunan pejabat YPK, Marang yang menjual pakaian siap keluaran sendiri dan pakaian yang diperoleh daripada sumber luar seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**. Pada tahun 2009, Syarikat telah mendapat Akuan Pentauliahan Pusat Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam bidang latihan pembuatan pakaian wanita dan lelaki. Bagaimanapun, aktiviti penyediaan kursus dan latihan telah diberhentikan pada tahun 2011. Di samping itu, Syarikat juga turut mengadakan usaha sama dengan sebuah koperasi dalam bidang percetakan iklan seperti banner, bunting, papan tanda dan sebagainya. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

Gambar 6.1
***Outlet* Syarikat Di Bangunan YPK, Marang**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pejabat YPK, Marang
Tarikh: 18 Julai 2012

Gambar 6.2
Pakaian Siap Yang Dijual Di *Outlet*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Pejabat YPK, Marang
Tarikh: 18 Julai 2012

6.4.2.1. Prestasi Pendapatan Dan Keuntungan Pengeluaran Pakaian

Pada tahun 2009, pendapatan jualan daripada aktiviti pengeluaran pakaian adalah berjumlah RM184,416 dengan keuntungan berjumlah RM25,186. Manakala pada tahun 2010, pendapatan jualan berjumlah RM574,865 dengan keuntungan sejumlah RM323,816. Pendapatan jualan pada tahun 2010 telah meningkat sejumlah RM390,449 (211.7%) dan keuntungan pula telah meningkat sejumlah RM298,630 (1185.7%) berbanding tahun 2009. Pada tahun 2011, pendapatan jualan adalah berjumlah RM530,719 dengan keuntungan sejumlah RM275,340. Pendapatan jualan dan keuntungan tersebut telah menurun masing-masing sejumlah RM44,146 (7.7%) dan RM48,476 (15%) berbanding tahun 2010. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.3**. Pihak Audit tidak dapat menentukan pencapaian sebenar berbanding sasaran kerana tiada angka sasaran yang telah ditetapkan oleh Syarikat.

Jadual 6.3
Kedudukan Jualan Dan Keuntungan Aktiviti Pengeluaran Pakaian

Prestasi	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Jualan	184,416	574,865	530,719
Keuntungan	25,186	323,816	275,340

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat dan Laporan Mesyuarat Lembaga Pengarah

6.4.2.2. Prestasi Aktiviti Kursus dan Latihan Jahitan

Syarikat telah mengendalikan program kursus dan latihan SLDN bagi sesi Mei 2009 hingga April 2010 yang melibatkan penyertaan seramai 94 orang perantis. Syarikat telah mencatatkan pendapatan sejumlah RM115,230 pada tahun 2009 dengan keuntungan berjumlah RM111,914. Manakala pada tahun 2010, pendapatan adalah sejumlah RM21,830 dengan keuntungan berjumlah RM20,027. Pendapatan dan keuntungan tersebut telah menurun masing-masing sejumlah RM93,400 dan RM91,887 berbanding tahun 2009. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan penajaan kursus oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia. Manakala pada tahun 2011, jumlah pendapatan adalah RM9,220 dengan keuntungan berjumlah RM7,987. Pendapatan dan keuntungan tersebut telah menurun masing-masing sejumlah RM12,610 dan RM12,040 berbanding tahun 2010. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kursus dan latihan yang telah ditamatkan pada bulan Ogos 2011. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Kedudukan Pendapatan Dan Keuntungan Aktiviti Kursus Dan Latihan

Prestasi	Tahun		
	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
Pendapatan	115,230	21,830	9,220
Keuntungan	111,914	20,027	7,987

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

6.4.2.3. Penyenggaraan Dan Pembaikan Mesin Cetak Tidak Dilakukan

a. Usaha sama antara Syarikat dan koperasi dalam bidang percetakan iklan adalah bermula pada bulan Oktober 2010. Bagaimanapun, perjanjian usaha sama tersebut hanya ditandatangani oleh kedua pihak pada 16 Jun 2011. Tempoh masa bagi jalinan usaha sama tersebut tidak ditetapkan tetapi salah satu pihak berkenaan dibenarkan menamatkannya dengan syarat mengemukakan 3 bulan notis kepada pihak yang satu lagi. Pihak koperasi telah menyediakan sebuah mesin cetak model GDI XP-3204T. Berdasarkan syarat perjanjian usaha sama, kos penyenggaraan mesin adalah ditanggung oleh pihak syarikat. Semasa lawatan Audit didapati mesin tersebut sedang di kendali oleh seorang operator. Melalui temu bual, operator tersebut memaklumkan mesin berkenaan mengalami masalah mencetak secara automatik dan sering tersekat-sekat. Ini memerlukan beliau menjaga mesin tersebut semasa operasi cetakan berjalan. Pihak Audit dimaklumkan tidak ada penyenggaraan dan pembaikan dilakukan. Kerosakan mesin yang tidak dibaiki boleh menyebabkan pengeluaran sebenar tidak mencapai tahap yang maksima. **Gambar 6.3** menunjukkan keadaan aktiviti percetakan yang sedang beroperasi manakala komponen mesin yang rosak seperti di **Gambar 6.4**.

Gambar 6.3
Aktiviti Percetakan Sedang Beroperasi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat YPK Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Julai 2012

Gambar 6.4
Komponen Mengepam Dakwat Yang Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat YPK Chendering, Kuala Terengganu
Tarikh: 1 Julai 2012

b. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, Syarikat tidak boleh mengambil keputusan sendiri tanpa berbincang dengan koperasi berkaitan apa juga perkara mengenai mesin cetak. Pada tahun 2012, penyenggaraan telah dilakukan sebanyak 2 kali tetapi tidak direkodkan. Syarikat dan koperasi akan menyelesaikan perkara ini dalam masa terdekat dan akan memanggil pembekal asal untuk menyenggara dan membaiki mesin.**

Pada pendapat Audit, Syarikat hendaklah mempertingkatkan pengurusan aktiviti pengeluaran pakaian khususnya berkaitan dengan penetapan sasaran jualan dan keuntungan serta mematuhi dan melaksanakan terma perjanjian usaha sama aktiviti percetakan terutamanya mengenai penyenggaraan dan pembaikan mesin cetak.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat adalah merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

6.4.3.1. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah

a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menetapkan pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk dan Badan Berkanun. Amalan terbaik tadbir urus korporat, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) menetapkan bagi mewujudkan Lembaga Pengarah yang berkesan untuk menguruskan syarikat dengan cekap dan telus, sebanyak 33% atau 1/3 keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Syarikat terdiri daripada 3 Penolong Pengarah YPK, Ketua Penolong Pengarah YPK dan Pengurus Syarikat. Bagaimanapun, pelantikan Lembaga Pengarah Syarikat tidak dikemukakan untuk kelulusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Di samping itu, keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat tidak mempunyai Pengarah Bukan Eksekutif yang bebas selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia bagi meningkatkan akauntabiliti dan memberi nilai tambah kepada Syarikat.

b. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, Syarikat telah mengesahkan bahawa pelantikan Ahli Lembaga Pengarah akan diadakan setiap tahun berdasarkan Mesyuarat Agung Tahunan dan pengesahan dilakukan oleh Setiausaha Syarikat. Setakat ini, Syarikat masih belum bercadang melantik Pengarah Bukan Eksekutif disebabkan masih dalam proses pemulihan dan mengemas kini hala tuju Syarikat.**

6.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

a. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 menggariskan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah perlu diadakan sekurang-kurangnya setiap 3 bulan iaitu 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mematuhi Pekeliling tersebut di mana mesyuarat hanya diadakan 2 kali masing-masing pada tahun 2010 dan 2012 dan sekali pada tahun 2011.

b. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, Syarikat mengakui Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak mengikut pekeliling namun perbincangan dengan Ahli Lembaga Pengarah secara berterusan dan tidak formal sentiasa diadakan. Bermula tahun 2012, Syarikat membuat ketetapan mengadakan mesyuarat minimum 2 kali setahun.** Pihak Audit mendapati ketetapan ini tidak selaras dengan Pekeliling yang menetapkan mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Oleh itu, Syarikat hendaklah menyemak semula ketetapan tersebut.

6.4.3.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan Syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Di samping itu fungsi audit dalam boleh juga dijalankan oleh Unit Audit Dalam Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati Syarikat belum menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan dan Unit Audit Dalam. Manakala Unit Audit Dalam YPK sebagai Syarikat Induk tidak pernah menjalankan pengauditan terhadap Syarikat. Oleh itu, adalah dicadangkan Syarikat mendapatkan khidmat daripada Unit Audit Dalam YPK. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, Syarikat belum bercadang menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan disebabkan Syarikat menggunakan perkhidmatan sebuah syarikat audit swasta dan dipantau oleh pihak YPK.**

6.4.3.4. Pembayaran Dividen

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Selain itu, semua bayaran dividen hendaklah dibuat daripada keuntungan sahaja sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 365 (1), Akta Syarikat 1965. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mengisytiharkan pengagihan dividen pada tahun 2009 walaupun Syarikat mendapat keuntungan pada tahun tersebut. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, pembahagian dividen pada tahun 2009 tidak dibayar disebabkan Syarikat baru dalam proses pemulihan setelah beberapa tahun mengalami defisit selain kurang kepakaran pengurusan ketika itu berkaitan Pekeliling yang ada.**

6.4.3.5. Rancangan Korporat

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat Kerajaan/Agensi menyediakan strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai wawasan syarikat

untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut hendaklah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Tujuan utama adalah untuk meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat. Di samping itu, *The Blue Book - Intensifying Performance Management* yang diperkenalkan dalam transformasi *Government Linked Company (GLC)* juga menetapkan keperluan mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama. Semakan Audit mendapati Syarikat telah menyediakan pelan perniagaan *(Business Plan*) bagi tempoh 3 tahun iaitu dari tahun 2008 hingga 2011 yang mengandungi visi, misi dan hala tuju Syarikat. Visi Syarikat adalah untuk menjadi rangkaian terbesar pembekal pakaian dan percetakan menjelang tahun 2015. Bagaimanapun, didapati tiada bukti menunjukkan pelan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah. Di samping itu, Syarikat juga tidak menjadikan pelan perniagaan tersebut sebagai ukuran di mana tiada laporan perbandingan dibuat antara sasaran yang ditetapkan dengan pencapaian sebenar. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, perancangan korporat ada dibincangkan antara kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah tetapi tidak dimasukkan dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.**

6.4.3.6. *Standard Operating Procedures* Tidak Disediakan

a. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur antaranya berhubung aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai *Standard Operating Procedures* dan peraturan khusus bagi aktiviti utama Syarikat, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan aset. Antara kelemahan yang berlaku disebabkan ketiadaan *Standard Operating Procedures* adalah seperti berikut:

i. Syarikat tidak menyediakan Buku Daftar Aset bagi merekodkan maklumat aset. Bagaimanapun, senarai aset yang mempunyai maklumat jenis dan kuantiti aset tersebut ada disediakan. Ketiadaan maklumat yang lengkap dan tepat akan menyukarkan pihak-pihak berkenaan dalam melaksanakan tugas bagi tujuan pelupusan, pengenaan susut nilai serta penggantian aset. Perkara ini telah dibangkitkan oleh juruaudit luar Syarikat di dalam surat pengurusan pada 15 April 2012 tetapi sehingga tarikh pengauditan dijalankan, tindakan pembetulan belum diambil oleh pihak Syarikat terhadap perkara tersebut.

ii. Terdapat aset seperti kerusi, meja dan komputer tidak dicatat dengan nombor siri pendaftaran sebagai langkah kawalan dalaman bagi memudahkan pengesanan aset tersebut oleh pihak Syarikat.

iii. Syarikat juga tidak menyediakan senarai berasingan antara aset kepunyaan Syarikat dan Syarikat Induk menyebabkan kedudukan aset Syarikat sukar untuk dikenal pasti.

b. **Berdasarkan maklum balas Syarikat bertarikh 22 Januari 2013, Syarikat sentiasa berusaha untuk menambah baik mutu dan kecekapan kakitangan. Bagaimanapun, pengurusan yang sentiasa bertukar ganti dan kurang berpengalaman adalah faktor penyumbang kepada pengurusan Syarikat menjadi tidak konsisten.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat kurang memuaskan dan boleh dipertingkatkan dengan memastikan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk, rancangan korporat syarikat diluluskan oleh Lembaga Pengarah, mengadakan *Standard Operating Procedures* dan mematuhi segala peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, Syarikat adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Memastikan rancangan korporat syarikat diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk dijadikan asas pengurusan syarikat dan pencapaiannya.

6.5.2. Memastikan aktiviti utama Syarikat seperti pengeluaran pakaian dan percetakan diurus berasaskan konsep perniagaan dan menjamin keuntungan kepada syarikat.

6.5.3. Menyediakan *Standard Operating Procedures* bagi aktiviti utama Syarikat, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan aset.

6.5.4. Mematuhi segala peraturan dan pekeliling berkaitan dengan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kerana kurangnya pemantauan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan ketidakpatuhan terhadap peraturan serta undang-undang yang berkuatkuasa. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya
10 Februari 2013

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1–5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my